

## **KKBR / MAP - 2017**

12 Januari 2017

Kepada :

### **ANGGOTA-ANGGOTA PERWAKILAN SEKATARAKYAT**

Tuan / Puan,

#### **NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE DUA PULUH SATU (MESYUARAT AGUNG KALI KE TIGA PULUH EMPAT)**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas, sukcita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat Kali ke Dua Puluh Satu akan diadakan pada hari **Sabtu 4 Mac 2017**, jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470, Kuala Lumpur.

#### **AGENDA MESYUARAT**

1. Mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang.
2. Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi.
3. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit koperasi berdaftar dan subsidiari atau subsidiari-subsidiari, jika ada, bersama dengan laporan juruaudit.
4. Memilih anggota-anggota Lembaga.
5. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun kewangan 2017
6. Meluluskan elaun-elaun kepada anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan saraan kepada anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari atau subsidiari-subsidiari koperasi itu jika ada.
7. Meluluskan pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun.
8. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi.

9. Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi.
10. Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf munit mesyuarat agung tahunan.
11. Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan.
12. Mengisytihar atau menerbitkan syer-syer bonus.
13. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan.
14. Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil koperasi.
15. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan kepada koperasi berdaftar itu, yang dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga.
16. Meluluskan apa-apa perbelanjaan bagi perlantikkan orang-orang kompeten untuk membantu Jawatankuasa Audit Dalaman.
17. Menimbang dan meluluskan apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Peraturan-peraturan ini.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,

  
\_\_\_\_\_  
(HASRUL LIZA BINTI SHAH RUDIN)  
Setiausaha Kehormat  
SEKATARAKYAT

NOTA :

Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang usul yang hendak dikemukakan bagi kelulusan Mesyuarat Agung, sila kemukakan dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan secara email atau fax kepada alamat berikut :-

Alamat Email : [sekata@sekatarakyat.com.my](mailto:sekata@sekatarakyat.com.my)  
Tel No : 03-22733314/03-22733315/03-22733609/  
              03-22735024/ 03-22738710  
Fax No : 03-22741314

## **LAMPIRAN 1**

**GARIS PANDUAN ETIKA MESYUARAT AGUNG OLEH SURUHANJAYA  
KOPERASI MALAYSIA**

## **LAMPIRAN 2**

### **ETIKA MESYUARAT AGUNG**

#### **1. Perhimpunan**

Anggota-anggota koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam notis mesyuarat.

#### **2. Bahasa Rasmi**

Bahasa Rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

#### **3. Pengerusi Mesyuarat**

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil.

#### **4. Agenda Mesyuarat**

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

#### **5. Kuorum**

Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang kecil dan Peraturan-Peraturan Koperasi.

## **6. Minit Mesyuarat Agung yang lalu**

Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

## **7. Setiausaha Mesyuarat**

Setiausaha atau orang yang diarakhannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit Mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

## **8. Hak-hak Anggota**

Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

## **9. Laporan Tahunan**

(a) Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan".

- (b) Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

### **Tertib Bercakap**

- (a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat.
- (b) Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi mesyuarat agung.
- (c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap, kecuali –
- (i) jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau

- (ii) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

## 11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi **tiga (3) minit**, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi **dua (2) minit**.

## **12. Isi-isi Ucapan**

- (a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.
- (b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang.
- (c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.
- (d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain.
- (e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau TYT Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat.
- (f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan —
  - (i) perkatan-perkataan derhaka kepada negeri;
  - (ii) perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah, dan

- (iii) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.
- (g) Jika pada pendapat Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

### **13. Menutup Ucapan/Perbahasan**

Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

### **14. Usul (Motion)**

- (a) Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan.
- (b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.
- (c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha koperasi

sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat agung diadakan.

- (d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaan kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.
- (e) Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi, apabila tiba masanya, mengisyiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

## **15. Cadangan dan Sokongan**

- (a) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.
- (b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

## **16. Pindaan**

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisyiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

## **17. Hak Menjawab**

- (a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir.
- (b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

## **18. Usul Tergempar**

Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

## **19. Pengundian**

- (a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi tiada undi pemutus.

- (b) Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya.

## 20. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa mesyuarat sedang berjalan —

- (i) Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
- (ii) Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;
- (iii) Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas; dan
- (iv) Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

## 21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- (a) Bila anggota-anggota ditegur oleh pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.
- (b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya etika mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa

perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

- (c) Pengerusi setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap.
- (d) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.
- (e) Anggota yang diperintahkan keluar menurut perenggan 21(d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.
- (f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian.
- (g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai.
- (h) Pengerusi hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa.

- (i) Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

## **LAMPIRAN 2**

### **PERKARA 1**

**Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat kali ke Dua Puluh pada 27 Februari 2016**

# SEKATARAKYAT

KKBR / Menentusahkan Minit MAP Ke-20 – 2016

Tarikh : .....

Pengurus Besar  
Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad  
Sekatarakyat  
Tingkat 2A, Menara 2  
Menara Kembar Bank Rakyat  
No. 33, Jalan Rakyat  
50470 Kuala Lumpur






Assalamualaikum wrb,  
Tuan,

**MENENTUSAHKAN DERAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN  
SEKATARAKYAT KE-20 PADA 27 FEBRUARI 2016**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.




Untuk makluman, kami telah meneliti deraf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Sekatarakyat Ke-20 yang telah diadakan pada 27 Februari 2016 (Sabtu) di Balai Tan Sri Sheikh Ahmad, Tingkat 3, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, kami mengesahkan bahawa deraf minit tersebut adalah bertepatan dengan perkara-perkara yang telah dibincangkan dan diputuskan dalam MAP Ke-20 tersebut.

| BIL. | NO.<br>ANGGOTA | NAMA                        | JAWATAN             | TANDATANGAN   |
|------|----------------|-----------------------------|---------------------|---|
| 1    | 530            | Datuk Mohamed Arsal Sehan   | Pengerusi           |  |
| 2    | 1291           | Hasrul Liza Shah Rudin      | Setiausaha Kehormat |  |
| 3    | 2016           | Mohd Salleh Mahmood         | Bendahari Kehormat  |  |
| 4    | 1138           | Abdul Lidzam Muhammad Alias | Pengarah            |  |
| 5    | 2023           | Suhaimi Omar                | Anggota Perwakilan  |  |
| 6    | 629            | Sofiah Haron                | Anggota Perwakilan  |  |

**KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4998)**

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-22733014, 22333315  
Bak. Internet: 03-22733689 No. Faks: 03-22341314 E-mail: sekata@sekatarakyat.com.my

|    |      |                      |                    |   |
|----|------|----------------------|--------------------|---|
| 7  | 822  | Rosni Yusoff         | Anggota Perwakilan |  |
| 8  | 4106 | Mohamad Rosli Md Ali | Anggota Perwakilan |  |
| 9  | 4881 | Mohd Yusop Mat Ali   | Anggota Perwakilan |  |
| 10 | 688  | Hamdan Yahya         | Anggota Perwakilan |  |

Kerjasama tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

## **MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-20**

Tarikh : 27 Februari 2016  
Tempat : Balai Tan Sri Sheikh Ahmad,  
Tingkat 3, Menara 1,  
Menara Kembar Bank Rakyat,  
No.33, Jalan Rakyat,  
50470, Kuala Lumpur  
Masa : 10.37 pagi  
Kehadiran : 129 orang anggota perwakilan  
(*Lampiran 1*)

### **PERMULAAN MESYUARAT**

#### Pelantikan Pengerusi Mesyuarat dan Pencatat Minit

Pn. Sofiah Haron (629) daripada Kawasan 1 mencadangkan supaya En. Saliman Zainal (955) daripada Kawasan 1 dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-20. Mesyuarat sebulat suara bersetuju melantik En. Saliman Zainal (955) dari Kawasan 1 sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-20.

Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju dengan cadangan Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsal Sehan (530) untuk melantik Pengurus Sekatarakyat, Pn. Johana Suli sebagai pencatat minit.

En. Saliman Zainal (955) dari Kawasan 1 mengucapkan terima kasih atas pelantikan tersebut dan akan berusaha menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan seterusnya memulakan mesyuarat. Beliau juga berharap anggota perwakilan akan bersama-sama menjalankan hak-hak sebagai anggota perwakilan secara teratur dan berdisiplin.

Pengerusi Sekatarakyat, memohon kepada Pengerusi Mesyuarat agar Perkara 10 dalam agenda mesyuarat dilakukan terlebih dahulu bagi membolehkan anggota jawatankuasa yang dilantik menumpukan perhatian kepada perkara-perkara perbincangan agar memudahkan proses menentusahkan minit mesyuarat kelak.

Pengerusi Mesyuarat membenarkan permohonan itu.

#### **PERKARA 1.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-19**

- 1.1 Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsal Sehan membentangkan minit mesyuarat agung perwakilan yang lalu yang terdapat dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP15 hingga MAP34. Minit tersebut telah ditentusahkan oleh jawatankuasa yang telah dilantik oleh mesyuarat agung perwakilan yang lalu.
- 1.2 En. Najib Fahmy Hamzah (109) dari Kawasan 3 mencadangkan supaya minit mesyuarat agung perwakilan kali ke-19 disahkan.
- 1.3 Cadangan beliau disokong oleh En. Mohd Zaki Ibrahim (1664) dari Kawasan 1.

- 1.4 Mesyuarat sebulat suara bersetuju mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan kali ke-19.

**PERKARA 2.0 MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN, PANDANGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA ATAS AKAUN-AKAUN TERAUDIT DAN LAPORAN LEMBAGA KOPERASI**

- 2.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan laporan Lembaga Pengarah bagi tahun 2015, laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2015 dan pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas akaun-akaun teraudit bagi tahun 2014 seperti yang tertera dalam buku laporan tahunan di muka surat MAP35 hingga MAP54.

| Bil | Perkara                                   | Muka surat    | Laporan   |
|-----|---|---------------|---|
| 1   | Laporan Lembaga Pengarah                  | MAP37 – MAP52 | <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Laporan Tahunan Lembaga Pengarah ke-19 dan akaun-akaun teraudit koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.</li> <li>2. Senarai Mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tahun 2015.</li> <li>3. Senarai Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah dalam tahun 2015.</li> <li>4. Laporan butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak anggota individu Lembaga Pengarah dalam tahun 2015.</li> <li>5. Senarai Lembaga Pengarah yang menghadiri kursus/seminar/persidangan bagi tahun 2015.</li> </ul> |
| 2   | Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2015   | MAP53 - MAP54 |   |
| 3   | Pandangan Suruhanjaya di bawah subseksyen | MAP55 – MAP59 |   |

|  |   |  |  |
|--|---|--|--|
|  | 59(2) Akta Koperasi 1993 ke atas akaun teraudit 2014. |  |  |
|--|---|--|--|

- 2.1 Pengerusi Sekatarakyat juga menjelaskan bahawa Pandangan Suruhanjaya ke atas akaun-akaun dan Kunci Kira-kira koperasi berakhir pada 31 Disember 2015 belum diterima untuk dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan ke 20 ini dan akan dibentangkan di mesyuarat agung perwakilan dalam tahun yang akan datang.
- 2.2 En. Norlaili Mohd Sidek (3637) daripada Kawasan 99 meminta pencerahan berkaitan Pandangan Suruhanjaya bagi akaun berakhir pada 31 Disember 2014 Perkara 3 (a) (iv) Pinjaman Berjangka Nota (20) yang menyatakan “Didapati nota berkaitan pinjaman berjangka tidak memperincikan faedah yang dikenakan dan bayaran yang dibuat dalam tahun bagi setiap pinjaman bank”.
- 2.3 Pengerusi Sekatarakyat memberikan penerangan sistem komputer sedia ada di Sekatarakyat pada masa ini masih belum berupaya menyediakan laporan perincian faedah yang dikenakan dan bayaran yang dibuat dalam tahun bagi setiap pinjaman bank dan hanya akan bersedia bagi menyediakan laporan seperti yang berikut bagi laporan kewangan berakhir 31 Disember 2016 kelak.
- 2.4 Pengerusi Mesyuarat, En. Saliman Zainal mohon penerangan impak perkara tersebut terhadap Sekatarakyat kerana beliau berpandangan ianya berkaitan rapat dengan kedudukan aliran tunai Sekatarakyat.
- 2.5 Pengerusi Sekatarakyat bersetuju dengan pandangan Pengerusi Mesyuarat tersebut. Beliau juga menyatakan bahawa teguran tersebut lebih kepada persembahan akaun seperti teguran dalam Pandangan Suruhanjaya bagi akaun berakhir pada 31 Disember 2014.
- 2.6 En. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan supaya Laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun-akaun teraudit dan Laporan Lembaga Koperasi diterima.
- 2.7 Cadangan beliau telah disokong oleh En. Shamsuri Othman (1415) dari Kawasan 25.
- 2.8 Mesyuarat bersetuju sebulat suara menerima laporan-laporan lembaga, jawatankuasa audit dalaman, pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas akaun-akaun teraudit dan Laporan Lembaga Koperasi seperti yang terdapat dalam buku laporan mesyuarat.
- PERKARA 3.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI BERDAFTAR DAN SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA-SAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT.**
- 3.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan serba sedikit berkenaan akaun-akaun teraudit bagi tahun 2015 sebelum menyerahkannya kepada Bendahari Kehormat Sekatarakyat iaitu En. Mohd Salleh Mahmood untuk penerangan selanjutnya.

- 3.2 Bendahari Kehormat, En. Mohd Salleh Mahmood (2016) membentangkan akaun-akaun teraudit bagi tahun 2015 dan Laporan Juruaudit Koperasi seperti yang dinyatakan di muka surat MAP60 hingga MAP86 untuk diluluskan oleh mesyuarat.
- 3.3 Beliau seterusnya membentangkan laporan prestasi Sekatarakyat bagi tahun 2015 dengan menggunakan slaid.
- 3.4 Pn. Nor Zawiyah Hamidon (312) dari Kawasan 3 mohon penerangan mengapa peratusan bagi manfaat kepada anggota bagi tahun 2015 menurun berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.
- 3.5 Pengerusi Sekatarakyat berpandangan, peratusan manfaat menurun bagi tahun 2015 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya kerana jumlah kos bagi menghasilkan pendapatan bertambah. Walau bagaimanapun jumlah manfaat tersebut dalam nilai ringgit sebenarnya bertambah.
- 3.6 Bendahari Sekatarakyat, En. Mohd Salleh Mahmood juga menerangkan bahawa apabila jumlah pemberat semakin meningkat, peratusan manfaat akan menurun seiring dengan peningkatan kos tersebut.
- 3.7 En. Suhaimi Omar (2023) dari Kawasan 1 mencadangkan supaya akaun-akaun teraudit koperasi dan laporan juruaudit diterima dan diluluskan.
- 3.8 Cadangan beliau telah disokong oleh En. Rosli Wahab (1444) dari Kawasan 37.
- 3.9 Mesyuarat bersetuju sebulat suara meluluskan akaun-akaun teraudit Sekatarakyat bersama-sama dengan laporan juruaudit.

**PERKARA 4.0 MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA**

- 4.1 Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan, SKM telah menentusahkan nama-nama calon yang berikut sebagai “layak dan sesuai” untuk dilantik atau dilantik semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.
  - 4.2 Oleh sebab terdapat hanya 4 orang calon sahaja untuk 4 kekosongan, keempat-empat mereka telah diisyiharkan terpilih sebagai Anggota Lembaga Pengarah tanpa bertanding seperti yang berikut :-
    - a) Pn. Hasrul Liza Shah Rudin (1291)
    - b) Hj. Mohd Salleh Mahmood (2016)
    - c) Hj. Baharin Abu Samah (408)
    - d) Dato' Shaharudin Mohd Sa'ad (1777)

- 4.3 Pengerusi Mesyuarat mengucapkan tahniah atas pelantikan semula sebagai Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat.
- PERKARA 5.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2015**
- 5.1 Pengerusi Sekatarakyat, membentangkan dan memberikan penerangan berkenaan belanjawan bagi tahun kewangan 2016 seperti yang terdapat dalam buku laporan dari muka surat MAP89 hingga MAP93.
- 5.2 En. Hamdan Yahya (688) dari Kawasan 1 mohon penerangan berkenaan Pelan B yang diterangkan oleh Pengerusi Sekatarakyat sekiranya penjualan Banglo Sekata Vista berjumlah RM4.2 juta tidak dapat dijalankan sepenuhnya dalam tahun 2016.
- 5.3 Pengerusi Sekatarakyat menjelaskan bagi Pelan B tersebut termasuklah dengan menawarkan beberapa pembiayaan baru kepada anggota-anggota, membuka tiga Ar-Rahnu X'Change baru serta mempergiatkan lagi tindakan mendapatkan bayaran balik hutang lapuk dan sebagainya, sekiranya penjualan Banglo Sekata Vista tidak dapat dijalankan sepenuhnya dalam tahun 2016.
- 5.4 Mesyuarat sebulat suara meluluskan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan 2016.
- PERKARA 6.0 MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI ATAU SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI ITU, JIKA ADA**
- 6.1 Pengerusi Sekatarakyat memaklumkan kepada mesyuarat, bahawa Lembaga Pengarah memohon kelulusan mesyuarat agung perwakilan bagi dua cadangan seperti yang dibentangkan dalam buku mesyuarat dari muka surat MAP94 sehingga MAP99 seperti yang berikut :-
- a) Bayaran elaun mesyuarat kepada Lembaga Pengarah.
  - b) Bayaran elaun kepada Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 6.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan cadangan bayaran elaun mesyuarat dikekalkan pada kadar RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM600.00 seorang sebulan.
- 6.3 Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju meluluskan cadangan bayaran elaun Jawatankuasa Audit Dalaman dikekalkan iaitu sebanyak RM1,000.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksimum RM4,000.00 seorang setahun, manakala kadar sebenar elaun serta skop kerja akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah.
- PERKARA 7.0 MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN**

- 7.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah supaya Mesyuarat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk melantik suatu panel untuk mengaudit akaun-akaun Sekatarakyat bagi tahun 2016 dari senarai yang dicadangkan seperti yang terdapat di muka surat MAP103 hingga MAP105.
- 7.2 Mesyuarat sebulat suara meluluskan supaya Lembaga Pengarah diberi kuasa melantik dua firma audit yang berkelayakan ke dalam panel untuk mengaudit akaun Sekatarakyat bagi tahun kewangan 2016.
- PERKARA 8.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI**
- 8.1 Pengerusi Sekatarakyat menjelaskan bahawa seperti tahun-tahun yang lalu, Lembaga Pengarah mencadangkan supaya Mesyuarat memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan koperasi, seperti yang terdapat di muka surat MAP106 hingga MAP108.
- 8.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan supaya Lembaga Pengarah diberi kuasa menentukan skop dan had pelaburan daripada wang berlebihan koperasi bagi tahun kewangan 2016.
- PERKARA 9.0 MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI**
- 9.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat supaya had keterhutangan koperasi dinaikkan kepada RM800 juta, seperti yang terdapat di muka surat MAP109 hingga MAP111 dalam buku mesyuarat.
- 9.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan supaya had maksimum keterhutangan koperasi dikekalkan pada RM800 juta.
- PERKARA 10.0 MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA 6 ORANG PERWAKILAN DAN 4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DRAFT MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN**
- 10.1 Pengerusi Sekatarakyat membentangkan cadangan supaya 10 orang anggota yang berikut dilantik sebagai Anggota Jawatankuasa Penentusan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ini, seperti yang terdapat di muka surat MAP112 hingga MAP114 dalam buku mesyuarat.
- |    |                                |        |
|----|--------------------------------|--------|
| a) | Datuk Mohamed Arsal Sehan      | (530)  |
| b) | Pn. Hasrul Liza Shah Rudin     | (1291) |
| c) | Hj. Mohd Salleh Mahmood        | (2016) |
| d) | Hj. Abdul Lidzam Muhamad Alias | (1138) |

|    |                          |        |
|----|--------------------------|--------|
| e) | En. Suhaimi Omar         | (2023) |
| f) | Pn. Sofiah Haron         | (629)  |
| g) | Pn. Rosni Yusof          | (822)  |
| h) | En. Mohamad Rosli Md Ali | (4108) |
| i) | En. Mohd Yusop Mat Ali   | (4881) |
| j) | En. Hamdan Yahya         | (688)  |

- 10.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima cadangan tersebut bagi pelantikan suatu jawatankuasa yang terdiri daripada 6 orang perwakilan dan 4 orang Anggota Lembaga Pengarah untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan tahunan.

**PERKARA 11.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN TAHUN KEWANGAN 2015**

- 11.1 Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, Pengetahuan Sekatarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah bagi pembahagian keuntungan untuk diluluskan oleh mesyuarat seperti yang berikut :-

1 Cadangan Tabung Persaraan Kakitangan

Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan sebanyak 2% berjumlah RM233,820.00 daripada keuntungan bersih ke Tabung Persaraan Kakitangan.

2 Cadangan Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota

Lembaga Pengarah mencadangkan pindahan sebanyak 2% berjumlah RM233,820.00 daripada keuntungan bersih ke Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota.

3 Cadangan Honorarium Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mencadangkan pembayaran Honorarium kepada Anggota Lembaga Pengarah berjumlah RM110,000.00 dibayar mengikut tempoh perkhidmatan sebagai Anggota Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan 2015.

- 11.2 Mesyuarat sebulat suara meluluskan cadangan pembahagian keuntungan bagi Tabung Persaraan Kakitangan, Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota dan Honorarium Lembaga Pengarah seperti yang dibentangkan itu.

11.3 Cadangan Bayaran Dividen

- 11.3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan bayaran dividen sebanyak 15% berjumlah tidak lebih daripada RM10,991,275.00 dibayar atas yuran dan syer anggota yang layak bagi tahun kewangan 2015.

- 11.3.2 Mesyuarat sebulat suara meluluskan cadangan bayaran dividen sebanyak 15% dibayar atas yuran dan syer anggota yang layak bagi tahun kewangan 2015.

- PERKARA 12.0 MENGISYIHIR ATAU MENERBITKAN SYER-SYER BONUS**
- Tiada.
- PERKARA 13.0 MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN**
- Tiada.
- PERKARA 14.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI**
- Tiada.
- PERKARA 15.0 MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SEKATARAKYAT, YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT**
- Tiada.
- PERKARA 16.0 MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN BAGI PELANTIKAN ORANG-ORANG YANG KOMPETEN UNTUK MEMBANTU JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**
- 16.1 Pengerusi Sektarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat supaya sejumlah RM25,000.00 setahun diperuntukkan bagi melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman Sektarakyat, seperti yang dibentangkan di muka surat MAP124 hingga MAP126.
- 16.2 Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan peruntukan perbelanjaan sebanyak RM25,000.00 setahun bagi melantik orang-orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman Sektarakyat seperti yang dibentangkan.
- 16.3 Mesyuarat juga sebulat suara bersetuju dengan cadangan Lembaga Pengarah supaya syarikat Tetuan CWC & Company dilantik sebagai orang yang kompeten bagi membantu Jawatankuasa Audit Dalaman menjalankan tugas-tugas mereka di Sektarakyat bagi mengekalkan kesinambungan kerja-kerja yang telah dilakukan dalam tahun 2015.
- PERKARA 17.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT PERATURAN-PERATURAN**
- 17.1 Pengerusi Sektarakyat membentangkan cadangan Lembaga Pengarah untuk kelulusan mesyuarat bagi mewujudkan kemudahan berkenaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit

luar bagi Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat seperti yang terdapat di muka surat MAP127 hingga MAP131. Cadangan ini melibatkan perbelanjaan tidak melebihi RM2,230.20 setahun bagi dua orang anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat yang telah bersara daripada perkhidmatan Bank Rakyat.

- 17.2 En. Zainal Abidin Nordin (06) dari Kawasan 3 menyatakan tidak bersetuju atas cadangan tersebut kerana bilangan yang terbabit hanya dua orang berbanding 4,413 orang anggota Sekatarakyat pada masa ini. Beliau juga menyatakan bahawa rawatan perubatan boleh diperolehi daripada hospital-hospital kerajaan sedia ada.
- 17.3 Pengerusi Mesyuarat berpandangan kemudahan tersebut hanya ditawarkan kepada Anggota Lembaga Pengarah yang telah bersara daripada perkhidmatan di Bank Rakyat dan tidak lagi berkhidmat sepenuh masa dengan mana-mana syarikat.
- 17.4 Mesyuarat dengan undi majoriti meluluskan kemudahan berkenaan Takaful Group Hospital & Surgical dan rawatan pesakit luar bagi Anggota Lembaga Pengarah Sekatarakyat seperti yang dibentangkan.

### **UCAPAN PENANGGUHAN**

Pengerusi Mesyuarat, En. Saliman Zainal mengucapkan terima kasih kepada anggota-anggota perwakilan yang telah memberi kepercayaan kepada beliau untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-20 serta memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan semasa beliau menjalankan tugas tersebut. Beliau juga merakamkan penghargaan atas segala kerjasama yang telah diberikan oleh anggota perwakilan bagi membolehkan Mesyuarat kali ke-20 berjalan dengan lancar. Beliau juga berpandangan Lembaga Pengarah Sekatarakyat telah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab dengan baik berdasarkan pembentangan laporan sepanjang mesyuarat agung perwakilan berjalan.

Pengerusi Sekatarakyat, Datuk Mohamed Arsal Sehan (530) merakamkan penghargaan kepada Pengerusi Mesyuarat kerana telah menjalankan tugas dengan baik sepanjang Mesyuarat kali ke-20 dijalankan. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota-anggota perwakilan kerana telah memberi kerjasama yang baik sepanjang Mesyuarat dijalankan.

Pengerusi Sekatarakyat juga menyatakan bayaran dividen sebanyak 10%, elaun perwakilan serta elaun makan akan dibayar secara berperingkat pada 29 Februari 2016.

Mesyuarat Agung Perwakilan kali ke-20 ditangguhkan pada jam 12.18 tengah hari.

**Disediakan oleh :**

**Johanah Bt Suli  
Pengurus/Pencatat Minit MAP 2016**

**SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN**

| BIL | NAMA                             | NO ANGGOTA | KAWASAN   |
|-----|----------------------------------|------------|-----------|
| 1   | Ahmad Subari Badli               | 1724       | Kawasan 1 |
| 2   | Abd Razak Kassim                 | 3338       | Kawasan 3 |
| 3   | Abdul Lidzam Muhamad Alias       | 1138       | Kawasan 1 |
| 4   | Abdul Muin Abdul Wahab @ Mukhtar | 4190       | Kawasan 3 |
| 5   | Abdul Rashid Ibrahim             | 6090       | Kawasan 1 |
| 6   | Abdul Razak Abdul Rahman         | 96         | Kawasan 1 |
| 7   | Abdull Hakim Abdul Rahman        | 4317       | Kawasan 3 |
| 8   | Abdullah Nawawi                  | 3961       | Kawasan 3 |
| 9   | Abdullah Sahak                   | 2687       | Kawasan 3 |
| 10  | Abu Talib Haron                  | 1407       | Kawasan 2 |
| 11  | Ahmad Termizi Mat Jasi           | 1048       | Kawasan 3 |
| 12  | Alias Mohamad                    | 1987       | Kawasan 3 |
| 13  | Amieza Ngadi                     | 1502       | Kawasan 3 |
| 14  | Amriam @ Amran Adnan             | 930        | Kawasan 2 |
| 15  | Anuar Salleh                     | 1173       | Kawasan 3 |
| 16  | Aslina Alias                     | 2336       | Kawasan 1 |
| 17  | Awang Hosdi Awang Ahmad          | 3009       | Kawasan 3 |
| 18  | Azirulzaimi Azmi                 | 1973       | Kawasan 3 |
| 19  | Azlan Alias                      | 2146       | Kawasan 1 |
| 20  | Azman Ahmad                      | 2513       | Kawasan 2 |
| 21  | Azman Uda                        | 2147       | Kawasan 2 |
| 22  | Badli Sham Abu Bakar             | 1462       | Kawasan 3 |
| 23  | Baharin Abu Samah                | 408        | Kawasan 1 |
| 24  | Baharuddin Mohamed Yusof         | 2378       | Kawasan 2 |
| 25  | Borhan Sapon                     | 3599       | Kawasan 1 |
| 26  | Faisal Hamdan                    | 3809       | Kawasan 2 |
| 27  | Faishal Salleh                   | 2964       | Kawasan 1 |
| 28  | Farah Elisa Kamaldin             | 4554       | Kawasan 1 |
| 29  | Fariq Deen Kodin                 | 5279       | Kawasan 1 |
| 30  | Fariz Izwan MohD Nor             | 5305       | Kawasan 1 |
| 31  | Fazidah Abu Hassan               | 857        | Kawasan 1 |
| 32  | Halmi Mosli                      | 3817       | Kawasan 1 |
| 33  | Hamdan Yahya                     | 688        | Kawasan 1 |
| 34  | Hasan Alipun                     | 2268       | Kawasan 2 |
| 35  | Hasrul Liza Shah Rudin           | 1291       | Kawasan 1 |
| 36  | Hedzirudin Yusof                 | 2642       | Kawasan 1 |
| 37  | Hushaini Buti                    | 3296       | Kawasan 3 |
| 38  | Ibrahim Harun                    | 2054       | Kawasan 3 |
| 39  | Ikmal Hisyam Lokman Hakim        | 5290       | Kawasan 2 |

|    |  |      |           |
|----|--|------|-----------|
| 40 | Ikmal Idris                            | 3398 | Kawasan 3 |
| 41 | Ismail Abd Wahab                       | 1349 | Kawasan 3 |
| 42 | Ismailiyah Ismail                      | 1457 | Kawasan 1 |
| 43 | Izlishah Ishak                         | 1594 | Kawasan 3 |
| 44 | Jawawi Mohd Jawab                      | 1966 | Kawasan 3 |
| 45 | Kamal Arifin Ibrahim                   | 4369 | Kawasan 3 |
| 46 | Kamaluddin Sulaiman                    | 600  | Kawasan 1 |
| 47 | Kamaruddin Ibrahim                     | 1424 | Kawasan 1 |
| 48 | Kamarul Sahar Abd Satar                | 1691 | Kawasan 1 |
| 49 | KH Razali Zaman                        | 3005 | Kawasan 3 |
| 50 | Kharul Anuar Othman                    | 4858 | Kawasan 3 |
| 51 | Ku Mohd Sabri Ku Ismail                | 1974 | Kawasan 3 |
| 52 | Mahmood Ahmad                          | 2812 | Kawasan 3 |
| 53 | Md Zulkifli Taib                       | 1225 | Kawasan 3 |
| 54 | Meor Haris Meor Akim                   | 973  | Kawasan 2 |
| 55 | Mohamad Fikri Fauzi Mohammad Shah Bani | 4967 | Kawasan 1 |
| 56 | Mohamad Nor Yahya                      | 982  | Kawasan 3 |
| 57 | Mohamad Rosli Md Ali                   | 4108 | Kawasan 1 |
| 58 | Mohamad Thuairi Mohamed Tayed          | 2167 | Kawasan 1 |
| 59 | Mohamed Al Namiri Che Man              | 2003 | Kawasan 3 |
| 60 | Mohamed Arsad Sehan (Datuk)            | 530  | Kawasan 1 |
| 61 | Mohammad Ariffin Abdul Wahab           | 1680 | Kawasan 1 |
| 62 | Mohd Azam Mohd Shariff                 | 1074 | Kawasan 1 |
| 63 | Mohd Azam Mokhtar                      | 2133 | Kawasan 1 |
| 64 | Mohd Azri Mohd Shaffie                 | 2392 | Kawasan 2 |
| 65 | Mohd Faizal Mohd Ariffin               | 2651 | Kawasan 1 |
| 66 | Mohd Fauzi Buang                       | 3488 | Kawasan 3 |
| 67 | Mohd Gontor Mohd Sahid                 | 1629 | Kawasan 3 |
| 68 | Mohd Hanif Ahmad                       | 3726 | Kawasan 3 |
| 69 | Mohd Khairul Fithri Mustapha           | 2292 | Kawasan 1 |
| 70 | Mohd Nazim Mohli                       | 4848 | Kawasan 1 |
| 71 | Mohd Nordin Hj Samad                   | 4873 | Kawasan 3 |
| 72 | Mohd Omar Suhaimi Zainul Azmi          | 5427 | Kawasan 2 |
| 73 | Mohd Razif Shadan                      | 3249 | Kawasan 3 |
| 74 | Mohd Rizal Mansor                      | 3150 | Kawasan 3 |
| 75 | Mohd Salleh Mahmood                    | 2016 | Kawasan 1 |
| 76 | Mohd Shazly Zainoddin                  | 2465 | Kawasan 1 |
| 77 | Mohd Syukri Sidek                      | 5325 | Kawasan 1 |
| 78 | Mohd Yusop Mat Ali                     | 4881 | Kawasan 1 |
| 79 | Mohd Zailani Hj Mohamed Nor            | 1275 | Kawasan 3 |
| 80 | Mohd Zaki Ibrahim                      | 1664 | Kawasan 1 |
| 81 | Mohd Zamri Mohamed Daud                | 1931 | Kawasan 3 |
| 82 | Mohd Zin Mohd Taib                     | 729  | Kawasan 2 |

|     |                                     |      |           |
|-----|-------------------------------------|------|-----------|
| 83  | Muhamad Yusof Hashim                | 1898 | Kawasan 3 |
| 84  | Muhammad Takradi Koliman            | 3907 | Kawasan 2 |
| 85  | Muhammad Yazid Yahya                | 2156 | Kawasan 2 |
| 86  | Mutahar Abas                        | 2916 | Kawasan 3 |
| 87  | N Huzaimi Abdul Halim               | 1205 | Kawasan 2 |
| 88  | Najib Fahmy Hamzah                  | 109  | Kawasan 1 |
| 89  | Nasarudin Arifin                    | 1301 | Kawasan 2 |
| 90  | Nazariah Nazri                      | 3875 | Kawasan 1 |
| 91  | Nazirah Mat Nayan                   | 1387 | Kawasan 1 |
| 92  | Nik Aziz Hussain                    | 3942 | Kawasan 3 |
| 93  | Nik Mohd Nasir Nik Rithauddeen      | 552  | Kawasan 1 |
| 94  | Nor Aziah Yahaya                    | 320  | Kawasan 1 |
| 95  | Nor Helmi Paijan                    | 4146 | Kawasan 2 |
| 96  | Nor Zawiyah Hamidon                 | 312  | Kawasan 1 |
| 97  | Norlaili Mohd Sidek                 | 3637 | Kawasan 3 |
| 98  | Normah Kasim                        | 2779 | Kawasan 1 |
| 99  | Rizal Radzi                         | 1993 | Kawasan 1 |
| 100 | Rizal Rasdi                         | 1460 | Kawasan 2 |
| 101 | Rohinizan Ramli                     | 3983 | Kawasan 2 |
| 102 | Rosli Mat                           | 465  | Kawasan 1 |
| 103 | Rosli Wahab                         | 1444 | Kawasan 2 |
| 104 | Rosman Ahmad                        | 4078 | Kawasan 3 |
| 105 | Rosmidi Ibrahim                     | 5488 | Kawasan 3 |
| 106 | Rosni Yusof                         | 822  | Kawasan 1 |
| 107 | Ruslin Nasi                         | 2359 | Kawasan 3 |
| 108 | Sakri@ Roslan Seman                 | 2087 | Kawasan 2 |
| 109 | Saliman Zainal                      | 955  | Kawasan 1 |
| 110 | Saripah Abu Bakar                   | 4887 | Kawasan 1 |
| 111 | Shaharudin Mohd Sa'ad (Dato')       | 1777 | Kawasan 1 |
| 112 | Shahrizal Selim                     | 4045 | Kawasan 2 |
| 113 | Shamsul Harman Hamzah               | 1907 | Kawasan 3 |
| 114 | Shamsuri Othman                     | 1415 | Kawasan 3 |
| 115 | Shuib bin Ahmad                     | 1086 | Kawasan 3 |
| 116 | Siti Zaliha Sopar                   | 137  | Kawasan 1 |
| 117 | Sofiah Haron                        | 629  | Kawasan 1 |
| 118 | Sofian Seesaw                       | 4352 | Kawasan 3 |
| 119 | Suhaimi Che Omar                    | 2192 | Kawasan 1 |
| 120 | Suhaimi Omar                        | 2023 | Kawasan 1 |
| 121 | Sulaiman Harun                      | 2398 | Kawasan 2 |
| 122 | Syafuan Rezal Ahmad Azalan          | 2870 | Kawasan 3 |
| 123 | Syed Nasser Hussain Syed Othman Ali | 1206 | Kawasan 3 |
| 124 | Tajudin Yaacob                      | 707  | Kawasan 2 |
| 125 | Wan Azwan Wan Zainal Abidin         | 5923 | Kawasan 3 |

|     |                           |      |           |
|-----|---------------------------|------|-----------|
| 126 | Zaili Zulkanin @ Mohd Isa | 5313 | Kawasan 1 |
| 127 | Zainal Abidin Nordin      | 6    | Kawasan 1 |
| 128 | Zuraimi Razali            | 1747 | Kawasan 2 |
| 129 | Zuraini Abd Wahab         | 1333 | Kawasan 3 |

## **LAMPIRAN 3**

### **PERKARA 2**

#### **Menimbang laporan-laporan Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman dan Pandangan Ketua Pendaftar atas akaun-akaun teraudit dan laporan Lembaga Koperasi**

- |   |   |              |
|---|---|--------------|
| (a) Laporan Lembaga Pengarah  | - | Lampiran 3A  |
| • Jadual Mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah dalam tahun 2016.   | - | Lampiran 3A1 |
| • Jadual Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah dalam tahun 2016.   | - | Lampiran 3A2 |
| • Laporan butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak anggota individu Lembaga Pengarah dalam tahun 2016. | - | Lampiran 3A3 |
| • Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus/ Seminar/persidangan bagi tahun 2016.                                      | - | Lampiran 3A4 |
| (b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2016   | - | Lampiran 3B  |
| (c) Pandangan Ketua Pendaftar ke atas akaun teraudit 2015   | - | Lampiran 3C  |

## **PERKARA 2 - LAMPIRAN A**

### **Laporan Lembaga Pengarah**

- Jadual Mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah dalam tahun 2016 - Lampiran 3A1
  - Jadual Mesyuarat Portfolio Lembaga Pengarah dalam tahun 2016 - Lampiran 3A2
  - Laporan butir-butir perbelanjaan Lembaga dan bayaran kepada pihak anggota individu Lembaga Pengarah dalam tahun 2016 - Lampiran 3A3
  - Senarai Lembaga Pengarah menghadiri kursus/Seminar/persidangan bagi tahun 2016 - Lampiran 3A4
- (Tiada)

## LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ke 21 dan akaun beraudit koperasi bagi Tahun Kewangan berakhir pada 31 Disember 2016 .

### 1. AKTIVITI PERNIAGAAN

Untuk makluman, keuntungan bersih tahun semasa (sebelum cukai dan zakat) ialah berjumlah **RM18,678,354** dan peruntukan yang dibuat untuk pembayaran dividen ialah sebanyak **RM13,034,194** iaitu bersamaan dengan 15% daripada modal yuran dan modal syer anggota pada 31 Disember 2016.

Aktiviti-aktiviti perniagaan Sekatarakyat adalah seperti yang berikut:-

#### (i) Pembiayaan

Aktiviti Pembiayaan merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan Sekatarakyat. Jadual berikut memaparkan jumlah pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti pembiayaan dalam tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya.

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 21,620,647 | 21,365,961 |
| Kos Pembiayaan   | 5,783,804  | 5,364,738  |
| Keuntungan Kasar | 15,836,844 | 16,001,223 |

#### (ii) Pembersihan Pejabat

Prestasi aktiviti pembersihan pejabat bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 4,533,386  | 4,569,581  |
| Kos Operasi      | 4,092,936  | 4,169,887  |
| Keuntungan Kasar | 456,000    | 399,694    |

Keuntungan kasar bagi aktiviti pembersihan pejabat bagi tahun 2016 kurang berbanding tahun 2015 disebabkan oleh kos operasi yang meningkat khususnya berkaitan dengan Perintah Gaji Minimum 2016 yang berkuatkuasa 1 Julai 2016.

**(iii) Sewa diterima**

Prestasi aktiviti penyewaan harta tanah bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 2,803,372  | 3,106,376  |
| Kos Operasi      | 962,612    | 924,093    |
| Keuntungan Kasar | 1,971,939  | 2,182,283  |

**(iv) Jualan Barang**

Prestasi aktiviti jualan barang bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 370,581    | 414,209    |
| Kos Operasi      | 347,048    | 408,329    |
| Keuntungan Kasar | 23,533     | 5,880      |

Keuntungan kasar bagi jualan barang bagi tahun 2016 kurang berbanding tahun 2015 disebabkan oleh kos operasi yang meningkat disebabkan oleh pembekal-pembekal tidak berdaftar dengan Sekatarakyat dan peningkatan caj pengurusan yang dikenakan kepada Sekatarakyat.

**(v) Pendapatan Takaful**

Prestasi aktiviti Takaful bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara         | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|-----------------|------------|------------|
| Komisen Takaful | 575,461    | 2,751,375  |

**(vi) Perniagaan makanan (Kafeteria)**

Sekatarakyat menjalankan perniagaan makanan di dua lokasi iaitu di Bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi serta di Medan Selera di Tingkat 5, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat. Prestasi aktiviti perniagaan makanan bagi tahun 2016 bagi kedua-dua lokasi tersebut berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 2,404,918  | 2,056,237  |
| Kos Operasi      | 1,720,469  | 1,299,217  |
| Keuntungan Kasar | 684,449    | 757,021    |

**(vii) Kedai Serbaneka**

Sekatarakyat membuka kedai serbaneka di dua lokasi iaitu di Bangunan Bank Rakyat di Jalan Tangsi serta di Medan Selera di Tingkat 5, Menara 1, MKBR, Jalan Rakyat. Prestasi aktiviti ini bagi tahun 2016 bagi kedua-dua lokasi tersebut berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 795,860    | 924,536    |
| Kos Operasi      | 587,097    | 647,726    |
| Keuntungan Kasar | 208,763    | 276,810    |

**(ix) Air Mineral**

Prestasi aktiviti perniagaan air mineral bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 102,845    | 105,118    |
| Kos Operasi      | 80,826     | 85,719     |
| Keuntungan Kasar | 22,019     | 19,399     |

Keuntungan kasar bagi jualan air mineral bagi tahun 2016 kurang berbanding tahun 2015 disebabkan oleh kos operasi yang meningkat dari segi peningkatan harga pengeluaran air mineral tersebut.

**(x) Pendapatan Ar-Rahnu X'Change**

Perkhidmatan Ar-Rahnu X'Change juga telah menghasilkan pendapatan yang memberangsangkan. Sehingga tahun 2016, Sekatarakyat mempunyai tujuh Cawangan Ar-Rahnu X'Change yang dibuka di lokasi seperti yang berikut:-

- (a) Ar-Rahnu X'Change PJOT.
- (b) Ar-Rahnu X'Change Sg Besi.
- (c) Ar-Rahnu X'Change Taman Selaseh.
- (d) Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat.
- (e) Ar-Rahnu X'Change Bandar Kinrara.
- (f) Ar-Rahnu X'Change Seremban 2.
- (g) Ar-Rahnu X'Change Kota Kemuning.

Prestasi pencapaian Ar-Rahnu X'Change di dalam tahun 2016 berbanding dengan tahun adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | 10,891,726 | 7,049,766  |
| Kos Operasi      | 5,036,330  | 2,448,065  |
| Keuntungan Kasar | 5,855,396  | 4,601,702  |

Pencapaian bagi setiap Ar-Rahnu X'Change adalah seperti yang berikut :-

| Lokasi                            | Tahun 2016 |
|-----------------------------------|------------|
| Ar-Rahnu X'Change PJOT.           | 3,882,332  |
| Ar-Rahnu X'Change Sg Besi.        | 1,430,514  |
| Ar-Rahnu X'Change Taman Selaseh.  | 773,081    |
| Ar-Rahnu X'Change Hulu Langat.    | 612,659    |
| Ar-Rahnu X'Change Bandar Kinrara. | 307,706    |
| Ar-Rahnu X'Change Seremban 2.     | 33,197     |
| Ar-Rahnu X'Change Kota Kemuning.  | 10,277     |
| Jumlah pendapatan (upah simpan)   | 7,049,766  |

Pada tahun 2016, Sekatarakyat telah membuka 2 buah cawangan kedai Ar-Rahnu iaitu kedai Ar-Rahnu di Seremban 2 pada 25 Julai 2016 dan cawangan kedai Ar-Rahnu Kota Kemuning pada 4 Oktober 2016.

Bagi tahun 2017, Sekatarakyat bercadang untuk membuka 3 buah cawangan kedai Ar-Rahnu dilokasi-lokasi yang berpotensi bagi menjana pendapatan daripada perniagaan tersebut.

**(xi) Pendapatan Taska Nuri**

Taska Nuri yang beralamat di Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33, Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur mula beroperasi pada 4 Januari 2016. Sehingga Disember 2016 terdapat seramai 87 orang kanak-kanak yang terdiri daripada 27 orang bayi (1-14 bulan), 23 orang kanak-kanak kecil (15 bulan – 2 tahun) dan 37 orang kanak-kanak besar (3- 5 tahun).

Prestasi aktiviti perniagaan taska bagi tahun 2016 adalah seperti yang berikut:-

| Perkara          | Tahun 2015 | Tahun 2016 |
|------------------|------------|------------|
| Pendapatan       | -          | 346,125    |
| Kos Operasi      | -          | 115,815    |
| Keuntungan Kasar | -          | 230,310    |

**2. MANFAAT KEPADA ANGGOTA**

Manfaat yang telah diberikan kepada anggota pada tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

**(a) Bayaran Dividen kepada anggota**

Dividen yang dibayar kepada anggota-anggota adalah berdasarkan kepada prestasi kewangan tahunan Sekatarakyat.

Rekod bayaran dividen adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum cukai<br>RM | Dividen dicadangkan<br>% | Dividen diluluskan oleh MAP<br>% | Dividen diluluskan oleh SKM<br>% | Jumlah<br>RM |
|-------|--------------------------------|--------------------------|----------------------------------|----------------------------------|--------------|
| 2007  | 6,750,121                      |                          | 10                               | 10                               | 3,437,414    |
| 2008  | 5,717,780                      |                          | 12                               | 12                               | 4,024,026    |
| 2009  | 7,470,637                      |                          | 12                               | 12                               | 4,208,768    |
| 2010  | 6,646,741                      |                          | 10                               | 10                               | 4,463,457    |
| 2011  | 8,006,827                      |                          | 12.5                             | 12.5                             | 5,912,941    |
| 2012  | 10,744,343                     |                          | 13                               | 13                               | 7,521,792    |

|      |            |    |    |    |            |
|------|------------|----|----|----|------------|
| 2013 | 14,060,163 |    | 15 | 15 | 9,670,348  |
| 2014 | 14,242,350 |    | 15 | 15 | 10,117,306 |
| 2015 | 15,424,719 |    | 15 | 15 | 10,991,275 |
| 2016 | 18,678,354 | 15 |    |    | 13,034,194 |

(b) **Pulangan Atas Bayaran Segera (PABS)**

Sekatarakyat membayar Pulangan Atas Bayaran Segera (PABS) kepada anggota-anggota yang mempunyai pembiayaan di Sekatarakyat sebagai menghargai anggota-anggota yang menggunakan perkhidmatan pembiayaan yang ditawarkan secara berterusan dan secara tidak langsung menyumbang kepada keuntungan Sekatarakyat.

Rekod bayaran PABS tersebut adalah seperti yang berikut:-

| Tahun | Kadar<br>Pulangan<br>atas<br>bayaran<br>segera | Jumlah    |
|-------|--|-----------|
|       | %  |           |
| 2015  | 1.25   | 2,708,732 |
| 2016  | 1.25   | 2,901,559 |

(c) **Sumbangan dari Tabung Khairat dan Kebajikan Anggota**

Tabung Khairat dan Kebajikan Anggota disediakan bagi menjaga kebajikan anggota-anggota Sekatarakyat.

Rekod sumbangan yang telah dikeluarkan dari tabung tersebut bagi tahun 2016 adalah seperti yang berikut:-

| Perkara                                     | 2015   | 2016   | +/- 2016<br>berbanding<br>2015 |
|---|--------|--------|--------------------------------|
| Bil anggota yang menerima sumbangan khairat | 204    | 221    | 17                             |
| Jumlah sumbangan khairat dari tabungan (RM) | 86,490 | 97,732 | 11,242                         |

(b) **Tabung Saguhati dan Pendidikan Lanjutan**

Tabung Saguhati dan Pendidikan Lanjutan disediakan bagi meraikan anak-anak anggota Sekatarakyat yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTS atau IPTA.

Rekod sumbangan yang telah dikeluarkan dari tabung tersebut dalam tahun 2016 dan 2015 adalah seperti yang berikut:-

| Perkara                              | 2015      | 2016      | +/- 2016<br>berbanding 2015 |
|--------------------------------------|-----------|-----------|-----------------------------|
| Bil anggota                          | 101       | 49        | (52)                        |
| Jumlah sumbangan<br>dari tabungan RM | 50,500.00 | 24,500.00 | (26,000.00)                 |

(c) **Diskaun 5% atas bayaran tunai belian takaful kenderaan**

Sekatarakyat memberikan diskau sebanyak 5% atas bayaran tunai belian takaful kenderaan oleh anggota-anggota Sekatarakyat. Dalam proses tersebut, Sekatarakyat telah melepaskan 5% atas komisen yang diterimanya sepanjang tahun 2016 sebanyak **RM34,791.62**, manakala RM13,775.80 bagi tahun 2015, bagi membolehkan diskau sebanyak 5% tersebut dikembalikan kepada anggota-anggota yang membeli takaful kenderaan secara tunai.

(d) **Pinjaman Naik Sekolah**

Sekatarakyat juga menawarkan kemudahan Pinjaman Naik Sekolah sebanyak RM400.00 bagi seorang anak dan maksimumnya sebanyak RM1,200.00 tanpa mengambil sebarang keuntungan kepada anggota-anggota bagi membantu anggota-anggota dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak di awal tahun persekolahan.

Rekod pengeluaran Pinjaman Naik Sekolah sejak tahun 2013 hingga 2015 serta anggaran jumlah untung yang dilepaskan bagi membolehkan anggota-anggota menikmati kemudahan tersebut adalah seperti yang berikut:-

| Perkara  | 2014     | 2015    | +/- 2015<br>berbanding 2014 |
|--|----------|---------|-----------------------------|
| Bil anggota  | 198      | 167     | (31)                        |
| Jumlah Pinjaman yang dikeluarkan   | 179,640. | 157,870 | (21,770.00)                 |
| Anggaran untung atas pinjaman yang dilepaskan bagi tempoh setahun sekiranya kadar keuntungan dikenakan adalah sebanyak 5.25% setahun | 9,431.   | 8,288.  | (1,142.93)                  |

Walau bagaimanapun, atas kesedaran bahawa perbelanjaan seharian makin meningkat, terutamanya bagi anggota-anggota yang mempunyai anak-anak yang akan memulakan sesi persekolahan pada awal tahun 2017, Sekatarakyat telah meningkatkan had Pinjaman Naik Sekolah daripada RM400.00 kepada RM500.00 bagi seorang anak dan maksimumnya sebanyak RM2,000.00 berkuatkuasa 1 November 2016.

Rekod pengeluaran Pinjaman Naik Sekolah bagi tahun 2016 serta anggaran jumlah untung yang dilepaskan bagi membolehkan anggota-anggota menikmati kemudahan tersebut adalah seperti yang berikut:-

| Perkara  | 2016   |
|--|--------|
| Bil anggota  | 33     |
| Jumlah Pinjaman yang dikeluarkan   | 39,500 |
| Anggaran untung atas pinjaman yang dilepaskan bagi tempoh setahun sekiranya kadar keuntungan dikenakan adalah sebanyak 5.25% setahun | 2,074  |

(e) **Sumbangan Hari Raya Aidil Fitri kepada anggota-anggota Sekatarakyat**

Sekatarakyat membayar sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada semua anggota yang berdaftar sebagai anggota pada 31 Disember tahun sebelumnya dan mengekalkan keanggotaannya sehingga tarikh bayaran dibuat.

Sumbangan dibuat bagi menghargai sokongan anggota-anggota kepada setiap aktiviti yang telah dijalankan oleh Sekatarakyat selama ini. Sumbangan tersebut juga, walaupun jumlahnya kecil, sedikit sebanyak dapat meringankan beban anggota-anggota di dalam menghadapi hari perayaan tersebut.

| Perkara                    | 2015    | 2016    | +/- 2016<br>berbanding<br>2015 |
|----------------------------|---------|---------|--------------------------------|
| Kadar bayaran seorang (RM) | 100     | 100     | 0                              |
| Jumlah Sumbangan Hari Raya | 425,000 | 441,500 | 16,500                         |

### 3. (i) LAPORAN PERKEMBANGAN PROJEK SEMASA DALAM TAHUN 2016

#### (a) Projek Membangunkan 19 lot Banglo – Projek Sekata Vista, Dengkil

- ❖ Tanah kediaman yang berkeluasan 138,885 kaki persegi di Mukim Dengkil telah dibangunkan semula dengan membina 19 unit banglo hasil usahasama dengan Mainstay Development Sdn Bhd.
- ❖ Projek pembagunan 19 unit banglo ini bermula pada awal tahun 2012 dan telah siap sepenuhnya pada Januari 2016.
- ❖ Projek ini telah mendapat CCC daripada pihak yang berwajib pada bulan Mac 2016.
- ❖ Majlis penyerahan kunci kepada pembeli telah diadakan pada 19 Mac 2016 yang telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Hj. Zainal (B), Pengurus Bank Rakyat.
- ❖ Kesemua unit tersebut telah habis dijual dan Sekatarakyat sendiri telah mengambil 3 unit banglo tersebut.
- ❖ Ini merupakan salah satu cara pelaburan kerana menjangkakan peningkatan harga akan berlaku di lokasi tersebut.
- ❖ Banglo tersebut akan dijual kepada pembeli yang berminat dengan harga RM 1.2 juta.

#### (b) Projek Space U8, Bukit Jelutong, Shah Alam

- ❖ Kelulusan pembelian 3 blok yang menpunyai 12 unit rumah kedai diperolehi pada 3 November 2009
- ❖ Jumlah pembelian RM8,392,853.00
- ❖ Melalui perjanjian *leaseback program* pihak Space U8 Property Management Sdn Bhd (SU8PMSB) perlu membayar RM54,600.00 sebulan.

|  |
|--|
| ❖ Perjanjian <i>leaseback program</i> adalah selama 5 tahun bermula Februari 2012.   |
| ❖ Sejak Jun 2012 sehingga Februari 2014 terdapat tunggakan pembayaran yang berjumlah RM1,184,400.00 daripada pihak SU8PMSB dan syarikat tersebut telah menerima surat perintah penggulungan daripada mahkamah. |
| ❖ Atas dasar tanggungjawab, Mainstay Development Sdn Bhd bersetuju untuk menjelaskan segala pembayaran tertangguh daripada anak syarikat mereka iaitu SU8PMSB.   |
| ❖ MDSB mencadangkan bayaran balik untuk pembayaran yang masih tertangguh melibatkan kaedah seperti yang berikut:-  |
| i. Pulangan 6% atas pelaburan selama 2 tahun (RM1,007,142.36)  |
| ii. Pemulangan lebihan bayaran (RM 354,356.37)   |
| iii. Tawaran 2 unit kedai (RM1,630,000.00)   |
| ❖ Pengiraan bayaran balik adalah seperti yang berikut:   |
| Jumlah Harga Pembelian untuk<br>Unit yang Dicadangkan RM1,630,000.00   |
| <b>TOLAK</b> Jumlah Pulangan Atas Pembiayaan RM1,007,142.36  |
| <hr/>  |
| Jumlah Lebihan RM 622,857.64   |
| <b>TOLAK</b> Bayaran Lebihan daripada Sekatarakyat RM 354,356.37   |
| <hr/>  |

**Jumlah yang perlu dibayar oleh Sekatarakyat kepada Mainstay Dev Sdn Bhd sebagai tujuan penembusan RM 268,501.27**

- ❖ Selepas membuat penilaian semula unit berkenaan, didapati jumlah harga pasaran yang diperolehi adalah hampir sama dengan cadangan harga daripada MDSB.
- ❖ Walaubagaimanapun, kedua-dua unit masih lagi mempunyai baki pembiayaan dengan Bank Rakyat sebanyak RM489,000.00.
- ❖ Justeru itu, Sekatarakyat telah membuat bayaran terus kepada Bank Rakyat sebanyak RM268,501.27 dan selebihnya sebanyak RM220,498.73 telah dijelaskan oleh pihak MDSB kepada pihak Bank Rakyat bagi membolehkan kedua-dua unit tersebut menjadi milik Sekatarakyat.
- ❖ Sekatarakyat mempunyai tunggakan berkenaan caj lewat bayaran berjumlah RM18,381.43 dan MDSB juga memberikan pengecualian caj tersebut.

- ❖ Cadangan tersebut dapat menambahkan bilangan aset Sekatarakyat.
- ❖ Oleh yang demikian, Sekatarakyat mempunyai 14 unit rumah kedai di bangunan Space U8.
- ❖ Sehingga kini, 5 daripada 14 unit rumah kedai tersebut telah pun disewakan kepada institusi pendidikan dengan kadar sewa sebanyak RM11,000.00 sebulan.
- ❖ Selebihnya sebanyak 9 unit masih lagi dalam perbincangan dengan bakal-bakal penyewa yang berminat untuk menyewa kesemua unit.

**(c) Sekata Panacom Sdn Bhd**

Pada penghujung tahun 2010, Sekatarakyat mula bekerjasama dengan Syarikat Panacom Sales & Services Sdn. Bhd. untuk memulakan perniagaan dengan membekalkan beberapa produk-produk PANACOM kepada Bank Rakyat melalui syarikat usahasama yang ditubuhkan bersama iaitu Sekata Panacom Sdn Bhd. Sekatarakyat telah membuat pelaburan sebanyak RM15,000.00 dalam projek usahasama tersebut dimana nisbah perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui diantara Syarikat Panacom Sales & Services Sdn Bhd dan Sekatarakyat adalah pada kadar 70:30. Produk-produk yang dibekalkan kepada para pelanggan adalah khusus untuk bidang Keselamatan, Komunikasi dan lain-lain produk lagi bergantung kepada permintaan para pelanggan mereka.

Sepanjang tahun 2016, prestasi kewangan Sekata Panacom Sdn Bhd mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM719,012.50. Keuntungan dicatatkan pula adalah sebanyak RM61,573.82. Majoriti barang yang dijual adalah barang produk IT seperti ‘Desktop Computer’, ‘Printer’, ‘Scanner’ dan ‘Computer Peripheral Equipment’.

**(d) Sekata Villa**

Sekatarakyat sekali lagi telah mencebur diri dalam bidang pembangunan harta tanah dengan membeli tanah pertanian yang berkeluasan 493,970 kaki persegi pada harga RM8 juta. Tanah ini akan ditukar taraf kepada tanah kediaman dan kemudiannya akan dibangunkan dengan membina 107 unit rumah teres dua tingkat dan 47 unit apartment mampu milik.

Projek ini masih di peringkat permulaan dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 2018.

**(e) Apartment Camelia, Ringlet Cameron Highlands**

Cadangan pembelian apartment ini telah diputuskan pada Julai 2015. Sekatarakyat telah membeli 32 unit apartment tersebut untuk disewakan semula sebagai rumah rehat. Bank Rakyat telah bersetuju untuk menyewa 5 unit untuk dijadikan rumah rehat Bank Rakyat dan selebihnya akan disewakan kepada anggota-anggota dan pelanggan luar yang berminat. Apartment tersebut dijangkakan akan mendapat Pengesahan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) daripada pihak yang berwajib pada Mac 2017. Tempoh 2 bulan diambil bagi membuat pengubahsuaian dalaman apartment tersebut agar sedia didiami. Penyewaan apartment ini dijangka akan beroperasi pada Jun 2017.

**3. (ii) Laporan Sumber Manusia**

Sehingga 31 Disember 2016, Sekatarakyat mempunyai seramai 90 orang wargakerja yang terdiri daripada 22 orang pengurusan dan 68 orang bukan pengurusan.

Bagi melahirkan wargakerja yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik, wargakerja didedahkan kepada sistem kerja yang lebih bersistematik melalui kursus-kursus serta seminar yang dianjurkan di Maktab Koperasi Malaysia, Angkasa, Bank Rakyat dan juga kursus-kursus dalaman yang dikendalikan oleh programmer dan konsultan yang dilantik.

Perancangan kursus dan latihan dirangka pada awal tahun bagi memastikan pilihan kursus yang bersesuaian dengan wargakerja demi membolehkan tahap motivasi wargakerja dan pihak pengurusan terus meningkatkan seajar dengan perkembangan Sektarakyat yang kian maju dan akan terus berkembang di masa hadapan.

Senarai kursus-kursus yang telah disertai dan dijalankan oleh Sektarakyat untuk wargakerja adalah seperti yang berikut :-

| BIL | NAMA KURSUS  | TARIKH                                     | BIL WARGA KERJA TERLIBAT |
|-----|--|--|--------------------------|
| 1   | Seminar Sistem Kredit Islam – Anjuran Bank Rakyat  | 14/4/2016                                  | 2                        |
| 2   | Persidangan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengurus Kanan Koperasi Anjuran SKM WP             | 14 – 15/4/2016                             | 1                        |
| 2   | Kursus Ar-Rahnu X'Change (Asas) Anjuran RMS  | 18 – 20/4/2016                             | 1                        |
| 3   | <i>Basic Food Handler Course</i> Anjuran Persatuan Kesihatan Environment Malaysia (MAEH) | 04/6/2016                                  | 23                       |
| 4   | Kursus Ar-Rahnu X'Change (Asas)  | 25 – 27/7/2016                             | 4                        |
| 5   | Kursus Asas Permata  | Ogos – November 2016 (Sabtu & Ahad sahaja) | 6                        |

|    |  |                                    |    |
|----|--|------------------------------------|----|
| 6  | Kursus Ar-Rahnu X'Change (Asas) Anjuran RMS  | 15 – 17/8/2016                     | 2  |
| 7  | Latihan Berkaitan Penambahbaikan Modul Potongan Gaji & Pembiayaan eSekatarakyat                        | 5 – 07/9/2016                      | 8  |
| 8  | Program Klinik Profil Anggota Koperasi (ESISPRO) Anjuran SKM WP  | 7/9/2016                           | 2  |
| 9  | Kursus MS Excel Asas & Lanjutan  | 1/11/2016 – 3/11/2016 (Kumpulan 1) | 10 |
| 10 | Kursus MS Excel Asas & Lanjutan  | 7/11/2016 – 9/11/2016 (Kumpulan 2) | 14 |
| 11 | Team Building Sekatarakyat 2016  | 12/11/2016 – 13/11/2016            | 80 |
| 12 | Kursus Integriti Gerakan Koperasi Tahun 2016 Anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)               | 15/11/2016 – 16/11/2016            | 1  |
| 13 | Seminar “Pengurusan Perubahan : Transformasi Kejayaan Koperasi” Anjuran Maktab Koperasi Malaysia (MKM) | 24/11/2016                         | 1  |
| 14 | Kursus Ar-Rahnu X'Change (Asas)  | 28 – 30/11/2016                    | 1  |
| 15 | Kursus Mobile Apps Anjuran Maktab Koperasi Malaysia (MKM)  | 01/12/2016                         | 5  |
| 16 | Sesi Penerangan Produk ARX Simpan Anjuran Rakyat Management Services                                   | 2/12/2016 – 3/12/2016              | 5  |

Secara keseluruhannya, kesemua wargakerja telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya selama 2 hari.

Bagi meningkat ilmu kerohanian, Sekatarakyat telah mengadakan Kuliah Pengukuhan Aqidah dan Kuliah Muqaddam untuk semua wargakerja yang dipimpin oleh Al-Fadil Ustaz Aizam Mas’ud. Malah, Sekatarakyat juga telah mengadakan Kelas *Business Communication* bagi mempertingkatkan pengetahuan dan keyakinan dalam penggunaan Bahasa Inggeris yang dipimpin oleh tenaga pengajar yang berpengalaman.

#### **4. ACARA SEPANJANG TAHUN**

| Bil | Majlis   | Tarikh                      |
|-----|--|-----------------------------|
| 1   | Program Percambahan Minda Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat 2015                                  | 15 dan 16 Januari 2016      |
| 2   | Majlis Perasmian Taska Sekatarakyat  | 18 Februari 2016            |
| 3   | Mesyuarat Agung Perwakilan Sekatarakyat 2016   | 27 Februari 2016            |
| 4   | Majlis Penyerahan Kunci kepada pembeli unit banglo di Sekata Vista   | 19 Mac 2016                 |
| 5   | Majlis Perjumpaan Anggota Bersara  | 9 April 2016                |
| 6   | Majlis meraikan lawatan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan ke Sekatarakyat | 16 Mei 2016                 |
| 7   | Majlis Tahlil Ar-Rahnu X'Change ke 6 di Seremban 2   | 22 Julai 2016               |
| 8   | Majlis Soft Launching Ar-Rahnu X'Change ke 6 di Seremban 2   | 25 Julai 2016               |
| 9   | Majlis Jamuan Hari Raya Aidil Fitri Sekatarakyat 2016  | 28 Julai 2016               |
| 10  | Hari Keluarga Sekatarakyat 2016  | 16 hingga 18 September 2016 |
| 11  | Perjumpaan bersama Pengurusan Bank Islam Malaysia Berhad di pejabat Sekatarakyat                             | 22 September 2016           |
| 12  | Majlis Tahlil Ar-Rahnu X'Change ke 7 di Kota Kemuning  | 30 September 2016           |
| 13  | Majlis Soft Launching Ar-Rahnu X'Change ke 7 di Seremban 2   | 4 Oktober 2016              |
| 14  | Program Mencari Harta Karun Sekatarakyat 2016  | 8 Oktober 2016              |
| 15  | Program Team Building Kakitangan Sekatarakyat 2016   | 12 dan 13 November 2016     |
| 16  | Majlis Makan Malam Tahunan Sekatarakyat 2016   | 3 Disember 2016             |

#### **a) Penganjuran Acara Mencari Harta Karun 2016**

Sekatarakyat telah menganjurkan acara mencari harta karun buat kali ke-7 pada 8 Oktober 2016 bersamaan dengan sambutan Hari Sukan Negara. Penganjuran kali ini dibuat dari Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur ke Awana Genting Resort, Pahang yang menyaksikan bilangan penyertaan yang amat positif walaupun penganjuran adalah tidak bermalam iaitu dengan jumlah penyertaan mencecah 84 buah kereta.

#### **b) Pencapaian Melalui Pengiktirafan Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

##### **i. Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2016**

Sekatarakyat telah dinobatkan sebagai koperasi terbaik di mana Sekatarakyat berada di tempat ke-12 daripada Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2016 berbanding tempat ke-15 pada tahun 2015 oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pengiktirafan Koperasi Terbaik di Malaysia dilakukan melalui proses penilaian kuantitatif dan kualitatif. Penilaian adalah merangkumi aspek pengurusan kewangan, kompetensi pengurusan, pematuhan perundangan dan kelestarian perniagaan. Proses penilaian

menggunakan piawaian yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penilai SKM. Tahap piawaian yang digunakan akan dikemaskini mengikut kedudukan Purata Nisbah Koperasi (PNK) dan diselaraskan dengan kriteria yang digunakan oleh International Co-operatives Alliances (ICA).

ii. **Koperasi Terbaik Sektor Hartanah peringkat Wilayah Persekutuan 2016**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menganugerahkan Sekatarakyat sebagai Koperasi Terbaik Sektor Hartanah peringkat Wilayah Persekutuan bersempena dengan Hari Koperasi Negara 2016. Anugerah ini sejajar dengan penglibatan Sekatarakyat dalam bidang hartanah seperti yang berikut:

- Projek perumahan banglo (Sekata Vista) di Dengkil, Selangor
- Projek perumahan rumah teres 2 tingkat dan apartment mampu milik (Sekata Villa) di Dengkil, Selangor
- Pembelian 32 unit apartment (Camelia) di Ringlet, Cameron Highland, Pahang

### **Kepentingan Anggota Lembaga Pengarah**

Sehingga 31 Disember 2016, selain daripada pegangan saham dalam Sekatarakyat, tiada pengarah yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam aktiviti perniagaan Sekatarakyat yang dilaksanakan.

**TARIKH-TARIKH MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH TAHUN 2016**

| Bil /2016 | Tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah | Perkara   |
|-----------|-----------------------------------|---|
| 1         | 8 Januari 2016                    | Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah                                       |
| 2         | 27 Januari 2016                   | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 3         | 28 Januari 2016                   | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 4         | 4 Februari 2016                   | Mesyuarat Khas Persediaan Mesyuarat Agung Perwakilan Lembaga Pengarah |
| 5         | 22 Februari 2016                  | Mesyuarat Khas Persediaan Mesyuarat Agung Perwakilan Lembaga Pengarah |
| 6         | 23 Februari 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 7         | 24 Februari 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 8         | 27 Februari 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 9         | 10 Mac 2016                       | Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah                                       |
| 10        | 28 Mac 2016                       | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 11        | 30 Mac 2016                       | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 12        | 26 April 2016                     | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 13        | 27 April 2016                     | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 14        | 23 Mei 2016                       | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 15        | 24 Mei 2016                       | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 16        | 25 Jun 2016                       | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 17        | 27 Julai 2016                     | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 18        | 29 Julai 2016                     | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 19        | 23 Ogos 2016                      | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 20        | 24 Ogos 2016                      | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 21        | 2 September 2016                  | Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah                                       |
| 22        | 26 September 2016                 | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 23        | 26 Oktober 2016                   | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 24        | 28 Oktober 2016                   | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 25        | 29 November 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 26        | 30 November 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 27        | 20 Disember 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |
| 28        | 21 Disember 2016                  | Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah                                    |

*Lampiran 3A2*

**TARIKH-TARIKH PERBINCANGAN PORTFOLIO LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT TAHUN 2016**

| <b>ALP/<br/>BULAN</b> | <b>Datuk<br/>Mohamed<br/>Arsad<br/>Sehan</b> | <b>Pn Hasrul<br/>Liza Shah<br/>Rudin</b> | <b>Tn. Hj Mohd<br/>Salleh<br/>Mahmood</b> | <b>Tn Hj<br/>Abdul<br/>Lidzam<br/>Muhamad<br/>Alias</b> | <b>Dato'<br/>Shaharudin<br/>Mohd Sa'ad</b> | <b>Tn Hj<br/>Baharin<br/>Abu Samah</b> | <b>En Suhami<br/>Che Omar</b> | <b>Tn. Hj Azlan<br/>Alias</b> |
|-----------------------|--|--|---|---|--|--|-------------------------------|-------------------------------|
| <b>Jan</b>            | 21/1/2016                                    | 29/1/2016                                | 29/1/2016                                 | 22/1/2016   | 22/1/2016                                  | 25/1/2016                              | 11/1/2016                     | 261/2016                      |
| <b>Feb</b>            | 18/2/2016                                    | 25/2/2016                                | 19/2/2016                                 | 19/2/2016   | 19/2/2016                                  | 17/2/2016                              | 25/2/2016                     | 26/2/2016                     |
| <b>Mac</b>            | 24/3/2016                                    | 23/3/2016                                | 29/3/2016                                 | 28/3/2016   | 25/3/2016                                  | 25/3/2016                              | 29/3/2016                     | 28/3/2016                     |
| <b>April</b>          | 20/4/2016                                    | 21/4/2016                                | 22/4/2016                                 | 21/4/2016   | 26/4/2016                                  | 20/4/2016                              | 25/4/2016                     | 26/4/2016                     |
| <b>Mei</b>            | 18/5/2016                                    | 19/5/2016                                | 20/5/2016                                 | 20/5/2016   | 20/5/2016                                  | 20/5/2016                              | 23/5/2016                     | 23/5/2016                     |
| <b>Jun</b>            | 15/6/2016                                    | 23/6/2016                                | 23/6/2016                                 | 20/6/2016   | 17/6/2016                                  | 21/6/2016                              | 24/6/2016                     | 29/6/2016                     |
| <b>Julai</b>          | 20/7/2016                                    | 22/7/2016                                | 22/7/2016                                 | 20/7/2016   | 27/7/2016                                  | 15/7/2016                              | 26/7/2016                     | 25/7/2016                     |
| <b>Ogos</b>           | 17/8/2016                                    | 19/8/2016                                | 19/8/2016                                 | 18/8/2016   | 19/8/2016                                  | 16/8/2016                              | Tiada                         | 22/8/2016                     |
| <b>Sept</b>           | 19/9/2016                                    | 23/9/2016                                | 27/9/2016                                 | 27/9/2016   | 26/9/2016                                  | 28/9/2016                              | 26/9/2016                     | 27/9/2016                     |
| <b>Okt</b>            | 19/10/2016                                   | 21/10/2016                               | 20/10/2016                                | 20/10/2016  | 21/10/2016                                 | 24/10/2016                             | 26/10/2016                    | 26/10/2016                    |
| <b>Nov</b>            | 17/11/2016                                   | 24/11/2016                               | 24/11/2016                                | 22/11/2016  | 21/11/2016                                 | 27/11/2016                             | 28/11/2016                    | 28/11/2016                    |
| <b>Dis</b>            | 15/12/2016                                   | 19/12/2016                               | 21/12/2016                                | 15/12/2016  | 20/12/2016                                 | 16/12/2016                             | 21/12/2016                    | 20/12/2016                    |

*Lampiran 3A3*

**BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN LEMBAGA DAN BAYARAN KEPADA PIHAK INDIVIDU LEMBAGA PENGARAH SEKATARAKYAT TAHUN 2016**

| <b>Bil</b> | <b>Nama Lembaga Pengarah</b>       | <b>Jawatan</b>      | <b>Elaun Mesyuarat RM</b> | <b>Honorarium RM</b> | <b>Jumlah RM</b> |
|------------|------------------------------------|---------------------|---------------------------|----------------------|------------------|
| 1          | Y Bhg. Datuk Mohamed Arsad Sehan   | Pengerusi           | 7,000.00                  | 13,750.00            | 20,750.00        |
| 2          | Pn. Hasrul Liza Shah Rudin         | Setiausaha Kehormat | 7,000.00                  | 13,750.00            | 20,750.00        |
| 3          | Tn. Hj. Mohd Salleh Mahmood        | Bendahari Kehormat  | 7,000.00                  | 13,750.00            | 20,750.00        |
| 4          | Tn. Hj. Baharin Abu Samah          | Pengarah            | 7,000.00                  | 13,750.00            | 20,750.00        |
| 5          | Tn. Hj. Abdul Lidzam Muhamad Alias | Pengarah            | 6,800.00                  | 13,750.00            | 20,550.00        |
| 6          | Dato' Shaharudin Mohd Saad         | Pengarah            | 6,200.00                  | 13,750.00            | 19,950.00        |
| 7          | Tn. Hj. Azlan Alias                | Pengarah            | 7,000.00                  | 13,750.00            | 20,750.00        |
| 8          | E. Suhaimi Che Omar                | Pengarah            | 6,600.00                  | 13,750.00            | 20,350.00        |
|            | Jumlah                             |                     | 54,600.00                 | 110,000.00           | 164,600.00       |

*Lampiran 3A4*

**SENARAI KURSUS YANG TELAH DIHADIRI OLEH AHLI LEMBAGA PENGARAH  
SEKATARAKYAT DALAM TAHUN 2016**

**TIADA**

**PERKARA 2 - LAMPIRAN 3B**

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman

Tarikh : 10 Februari 2017

Y. Bhg. Datuk Mohamed Arsal Sehan  
Pengerusi  
Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad  
Sekatarakyat  
Tingkat 2A, Menara 2  
Menara Kembar Bank Rakyat  
No. 33, Jalan Rakyat  
50470 Kuala Lumpur

*Assalamualaikum wbt,*  
Y. Bhg. Datuk,

#### **ULASAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SEKATARAKYAT 2016**

Adalah dimaklumkan, laporan ini disediakan bagi mematuhi kehendak subseksyen 42A (1) Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 50 untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahun 2017.

2. Keanggotaan Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) ialah :-

- |     |                                    |   |           |
|-----|------------------------------------|---|-----------|
| 2.1 | Abdul Razak Kamsani (3161)         | - | Pengerusi |
| 2.2 | Mohd. Hanafiah Mohd. Nawawi (3162) | - | AJK       |
| 2.3 | Ismarazi Ismail (4020)             | - | AJK       |

3. Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Sekatarakyat ini dibuat berdasarkan pemerhatian yang kami jalankan serta Laporan Orang Kompeten (CWC & Company) atas perkara-perkara seperti yang berikut :-

- a) Keanggotaan
- b) Perakaunan

4. Tarikh-tarikh Mesyuarat JAD yang telah dilaksanakan adalah pada :-

- |     |             |   |                        |
|-----|-------------|---|------------------------|
| 4.1 | 14 Jun 2016 | - | Mesyuarat Kali Pertama |
| 4.2 | 28 Dis 2016 | - | Mesyuarat Kali Kedua   |
| 4.3 | 6 Jan 2017  | - | Mesyuarat Kali Ketiga  |
| 4.4 | 14 Feb 2017 | - | Mesyuarat Kali Keempat |

5. Hasil semakan dan perbincangan bersama pihak Pengurusan dan Orang Kompeten (CWC & Company) adalah seperti yang berikut :-

5.1 Bahagian Keanggotaan

- ✓ Hasil semakan mendapati berkemungkinan kesilapan "Human error" akan berlaku di antara kedua-dua sistem (*Acctrak 21 & E-Sekata*) yang saling tidak berhubungan secara baik.

- ✓ Walau bagaimana pun, kaedah terbaik bagi memastikan jumlah transaksi yang dipindahkan ke *Acctrak 21* mestilah selari/seimbang dengan jumlah dalam senarai urusniaga yang disediakan pada hujung bulan daripada sistem *E-Sekata* melalui jumlah di jurnal debit dan kredit.

5.2 Bahagian Perakaunan


- ✓ Hubungan (*link*) antara sistem Perakaunan dan *E-Sekata* akan dapat menyelaraskan Akaun Pembiayaan Anggota dengan *E-Sekata*.
6. Sehubungan dengan itu, kami berpuashati pengauditan Orang Kompeten (CWC & Company) dan ulasan serta tindakan daripada pihak Pengurusan selaras mengikut Undang-Undang Kecil Sekatarakyat.
7. Sebarang teguran daripada Orang Kompeten (CWC & Company) telah diperjelaskan secara terperinci dan tindakan susulan telah dilaksanakan oleh pihak Pengurusan secara berperingkat-peringkat seperti yang dibentangkan dalam Mesyuarat JAD yang lepas.
8. Kami mengucapkan terima kasih atas kejasama yang diberikan sepanjang kami melakukan mesyuarat dan perbincangan dengan pihak pengurusan dan Orang Kompeten (CWC & Company) di Ibu Pejabat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat), Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur
9. Dalam laporan ini diharapkan dapat membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan koperasi mempertingkatkan lagi urusan harian koperasi dengan cekap dan berkesan.
10. Kerjasama yang diberikan oleh Sekatarakyat kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


Disediakan oleh :



Abdul Razak Kamsani  
Pengerusi JAD  
No. Anggota : 3161  
Tarikh : 15/2/17



Mohd. Hanafiah Mohd. Nawawi  
AJK JAD  
No. Anggota : 3162  
Tarikh : 15/2/2017



Ismarazi Ismail  
AJK JAD  
No. Anggota : 4020  
Tarikh : 15/2/2017

## **PERKARA 2 - LAMPIRAN 3C**

Pandangan Ketua Pendaftar ke atas akaun teraudit 2015



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**  
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur  
MALAYSIA



**SURUHANJAYA  
KOPERASI**  
Malaysia

Tel: +603-2083 4000  
Faks: +603-2083 4100  
Portal Rasmi: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT):  
N-89/3605/5 Jld.5 (42)  
Tarikh : **30 AUG 2016**

Anggota Lembaga  
Anggota-anggota Koperasi  
Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad  
Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat  
No. 33, Jalan Rakyat  
**50740 KUALA LUMPUR**

Tuan,

**PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA  
KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI  
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira Koperasi yang diaudit oleh juruaudit Fam Seng Choy daripada Firma Juruaudit FAM & Associates telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian terhadap akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.
3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian ke atas akaun dan kunci kira-kira yang dikemukakan, kami ingin menarik perhatian tuan berkenaan perkara-perkara berikut:-

---

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008  
CERT.NO.: R 5364

## **Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira  
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2015

---

### **(a) Persembahan Akaun**

#### **(i) Akaun Pembiayaan Anggota (Nota 5)**

Amaun bayaran balik pembiayaan yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan **di bawah Aset Semasa** manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan hendaklah **ditunjukkan di bawah Aset Bukan Semasa**. Walau bagaimanapun, berdasarkan makluman, didapati Koperasi dalam tindakan untuk menambahbaik sistem perakaunan Koperasi bagi memastikan persembahan akaun berkenaan adalah selaras dengan kehendak Garis Panduan 23.

#### **(ii) Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun**

Pihak Koperasi masih belum mengambil tindakan terhadap ulasan yang dibangkitkan di perenggan (a)(ii) Pandangan Suruhanjaya bagi tahun kewangan 31 Disember 2014. Sehubungan itu, Koperasi dikehendaki memastikan item Keuntungan Terkumpul pada awal tahun **di letakkan selepas Pelarasan Bukan Operasi** semasa penyediaan penyata kewangan tahun hadapan.

#### **(iii) Pinjaman Berjangka (Nota 20)**

Amaun Pinjaman Berjangka yang akan dibayar dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan **di bawah Liabiliti Semasa** manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan hendaklah **ditunjukkan di bawah Liabiliti Bukan Semasa**. Selain itu, nota berkaitan Pinjaman Berjangka hendaklah diperincikan faedah yang dikenakan dan bayaran yang dibuat dalam tahun bagi setiap pinjaman.

#### **(iv) Perincian Akaun Mengikut Aktiviti**

Koperasi hendaklah menyediakan perincian Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap aktiviti atau diletakkan sebagai Nota Kepada Akaun bagi menunjukkan prestasi keuntungan atau kerugian setiap aktiviti dengan lebih jelas lagi.

Sila ambil perhatian tentang pemakaian GP23:Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi yang telah dikeluarkan pada 18 Oktober 2012 yang dikuatkuasakan pemakaiannya untuk penyata kewangan meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2013. Sehubungan itu, sila pastikan Koperasi mematuhi sepenuhnya kehendak dan format dalam GP 23 ini semasa penyediaan penyata kewangan bagi tahun kewangan yang akan datang.

## **Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira  
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2015

---

### **(b) Penyenggaraan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)**

Didapati KWRS masih belum diasingkan dalam bentuk aset cair atau mudah cair. Pihak Koperasi diminta mengasingkan sekurang-kurangnya lima belas peratus (15%) KWRS ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah bagi mewakili KWRS. Aset KWRS perlu ditunjukkan di bawah tajuk "**Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori**".

### **(c) Pelaburan (Nota 4)**

Didapati Koperasi telah membuat pelaburan modal berjumlah RM8,000,000 dalam Syarikat Mainstay Development Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan projek pembangunan perumahan di Dengkil, Selangor tanpa kelulusan daripada pihak Suruhanjaya seperti mana kehendak subseksyen 54(1) Akta Koperasi 1993(Akta).

Sila maklum bahawa selain daripada pelaburan di bawah peruntukan Akta yang dinyatakan di atas, lain-lain pelaburan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya mengikut subseksyen 54(2) Akta. Koperasi juga dikehendaki memberi perhatian terhadap Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan GP 16: Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

### **(d) Akaun Untung Rugi**

Akaun Peruntukan Hari Raya berjumlah RM425,000 yang ditunjukkan di Akaun Untung Rugi adalah berdasarkan peruntukan yang diluluskan dalam belanjawan 2014. Didapati pihak koperasi telah mengakaunkan peruntukan berkenaan sebagai belanja dan dikreditkan di liabiliti sebagai akaun pelbagai pemutang. Tindakan sedemikian adalah tidak tepat memandangkan perbelanjaan berkenaan masih belum berlaku di mana ianya adalah peruntukan berdasarkan kelulusan belanjawan. Sehubungan itu, Koperasi dikehendaki memastikan perbelanjaan berkenaan diakaunkan setelah transaksi tersebut berlaku iaitu apabila amaun berkenaan telah dibayar kepada anggota koperasi.

## **Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad**

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira  
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2015

---

### **(e) Laporan Berkanun Lembaga**

Didapati peruntukan hutang lapuk yang ketara ke atas akaun penghutang perdagangan berjumlah RM1,000,000 tidak dinyatakan dalam Laporan Berkanun Lembaga yang disediakan oleh anggota Lembaga.

Sila ambil perhatian bahawa Laporan Berkanun Lembaga hendaklah disediakan dengan lengkap sepertimana kehendak subseksyen 59(3), Akta Koperasi 1993(Akta) serta mengandungi perkara – perkara yang abnormal sifatnya sepertimana yang diperincikan di bawah subseksyen 59(4), Akta. Sila pastikan keperluan ini dipatuhi pada tahun-tahun hadapan.

4. Semua pandangan Suruhanjaya di atas yang mempunyai kesan kewangan terhadap akaun teraudit dan Kunci Kira-Kira koperasi hendaklah diselaraskan dengan sewajarnya oleh Koperasi dan ditunjukkan dengan jelas dalam akaun teraudit Koperasi tahun kewangan akan datang selaras dengan peruntukan subseksyen 59(2A) Akta Koperasi 1993 dan dilaporkan oleh Lembaga dalam laporan berkanunnya sepertimana kehendak perenggan 59(3)(g) Akta yang sama.

5. Selain daripada perkara di atas, kami berpendapat akaun-akaun dan Kunci Kira-Kira tersebut telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi.

Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”  
“TADBIR URUS CEMERLANG, MASA DEPAN GEMILANG”**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJAH MERIAM BINTI MAT NOR)**  
Naib Pengerusi Eksekutif Operasi dan Kawalselia  
b.p. Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan  
Ketua Bahagian Audit Wilayah Persekutuan  
Penolong Pengarah Wilayah Persekutuan  
Firma Juruaudit FAM & Associates

**‘SKM Peneraju Kecemerlangan Koperasi’**

## MAKLUM BALAS KEPADA PANDANGAN KETUA PENDAFTAR

| BIL | PERKARA                                   | ULASAN KETUA PENDAFTAR   | MAKLUM BALAS KEPADA ULASAN KETUA PENDAFTAR   |
|-----|---|--|--|
| A   | <b>Persembahan Akaun</b>                  |  |  |
|     | (i) Akaun Pembentukan Anggota (Nota 5)    | <p>Amaun bayaran balik pembiayaan yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan <b>di bawah Aset Semasa</b> manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan hendaklah ditunjukkan <b>di bawah Aset Bukan Semasa</b>. Walau bagaimanapun, berdasarkan makluman, didapati Koperasi dalam tindakan untuk menambahbaik sistem perakaunan Koperasi bagi memastikan persembahan akaun berkenaan adalah selaras dengan kehendak Garis Panduan 23.</p> | Telah diambil tindakan dalam tahun kewangan 2016.  |
|     | (ii) Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun | <p>Pihak Koperasi masih belum mengambil tindakan terhadap ulasan yang dibangkitkan di perenggan (a)(ii) Pandangan Suruhanjaya bagi tahun kewangan 31 Disember 2014. Sehubungan itu, Koperasi dikehendaki memastikan item Kenuntungan Terkumpul pada awal tahun <b>di letakkan selepas Pelarasan Bukan Operasi</b> semasa penyediaan penyata kewangan tahun depan.</p>  | Telah diambil tindakan dalam tahun kewangan 2016.  |
|     | (iii) Pinjaman Berjangka (Nota 20)        | <p>Amaun Pinjaman Berjangka yang akan dibayar dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan <b>di bawah Liabiliti Semasa</b> manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan hendaklah ditunjukkan <b>di bawah Liabiliti Bukan Semasa</b>. Selain itu, nota berkaitan Pinjaman Berjangka hendaklah diperincikan faedah yang dikenakan dan bayaran yang dibuat dalam tahun bagi setiap pinjaman.</p>   | Telah diambil tindakan dalam tahun kewangan 2016.  |
|     | (iv) Perincian Akaun Mengikut Aktiviti    | <p>Koperasi hendaklah menyediakan perincian Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi setiap aktiviti atau diletakkan sebagai Nota kepada Akaun bagi menunjukkan prestasi keuntungan atau kerugian setiap aktiviti dengan lebih jelas lagi.</p>   | Pandangan daripada juruaudit, persembahan akaun tersebut jelas menunjukkan perincian prestasi bagi setiap aktiviti dengan melihat penyata pendapatan berbanding kos operasi bagi setiap aktiviti perniagaan. |

|          |   |   |  |
|----------|---|---|--|
| <b>B</b> | <b>Penyenggaraan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)</b> | Didapati KWRS masih belum diasingkan dalam bentuk aset cair atau mudah cair. Pihak Koperasi diminta mengasingkan sekurang-kurangnya lima belas peratus (15%) KWRS ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah bagi mewakili KWRS. Aset KWRS perlu ditunjukkan di bawah tajuk " <b>Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori</b> ".  | Telah diambil tindakan dalam tahun kewangan 2016.  |
| <b>C</b> | <b>Pelaburan (Nota 4)</b>                                 | <p>Didapati Koperasi telah membuat pelaburan modal berjumlah RM8,000,000 dalam Syarikat Mainstay Development Sdn. Bhd. Bagi pelaksanaan projek pembangunan perumahan di Dengkil, Selangor tanpa kelulusan dari pihak Suruhanjaya sepetimana kehendak subseksyen 54(1) Akta Koperasi 1993(Akta).</p> <p>Sila maklum bahawa selain daripada pelaburan di bawah peruntukan Akta yang dinyatakan di atas, lain-lain pelaburan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Suruhanjaya mengikut subseksyen 54(2) Ata. Koperasi juga dikehendaki memberi perhatian terhadap Peraturan 4, Peraturan-peraturan Koperasi (Pelaburan) 2010 dan GP 16: Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah seksyen 54 Akta Koperasi 1993.</p> | <p>Perkara ini bukanlah merupakan pelaburan di dalam syarikat tersebut tetapi merupakan pembelian tanah.</p> <p>Perkara tersebut telah pun dirujuk kepada SKM dan pelaburan tersebut memadai hanya dengan mendapat kelulusan Lembaga Pengarah sahaja dan perlu dimaklumkan kepada Suruhanjaya koperasi Malaysia.</p> |
1.1 Kertas cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan mesyuarat agung perwakilan bagi **mengelakkan** bayaran elaun mesyuarat sebanyak RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksima sebanyak RM600.00 seorang sebulan kepada lapan orang Lembaga Pengarah Sekatarakyat pada tahun 2017.

### **2.0 Latarbelakang**

- 2.1 Lembaga Pengarah Sekatarakyat boleh menuntut elaun mesyuarat sebanyak RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksima sebanyak RM600.00 seorang sebulan.
- 2.2 Kadar bayaran elaun tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 18 Februari 2012.
- 2.3 Jumlah bayaran elaun mesyuarat kepada Lembaga Pengarah berbanding keuntungan yang diperolehi oleh Lembaga Pengarah sejak dua belas tahun yang lalu bermula tahun 2005 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan Bersih dalam tahun (sebelum cukai dan zakat) | +/- berbanding tahun sebelumnya | % +/- berbanding tahun sebelumnya | Jumlah bayaran elaun mesyuarat Lembaga Pengarah | +/- berbanding tahun sebelumnya | % berbanding dengan keuntungan bersih tahun semasa |
|-------|---|---------------------------------|-----------------------------------|---|---------------------------------|--|
| 2005  | 5,172,159   |                                 |                                   | 16,991  |                                 |  |
| 2006  | 6,000,257   | 828,098                         | 16                                | 18,468  | 1,477                           | 9  |
| 2007  | 6,750,121   | 749,864                         | 12                                | 22,360  | 3,892                           | 21   |
| 2008  | 5,717,780   | - 1,032,341                     | -15                               | 26,350  | 3,990                           | 18   |
| 2009  | 7,470,637   | 1,752,857                       | 31                                | 28,900  | 2,550                           | 10   |
| 2010  | 6,646,741   | - 823,896                       | -11                               | 22,500  | - 6,400                         | -22  |
| 2011  | 8,006,827   | 1,360,086                       | 20                                | 23,800  | 1,300                           | 6  |
| 2012  | 10,744,343  | 2,737,516                       | 34                                | 42,100  | 18,300                          | 77   |
| 2013  | 14,060,163  | 3,315,820                       | 31                                | 56,400  | 14,300                          | 34   |
| 2014  | 14,242,350  | 182,187                         | 1                                 | 49,200  | - 7,200                         | -13  |
| 2015  | 15,424,719  | 1,182,369                       | 8                                 | 53,000  | 3,800                           | 8  |
| 2016  | 18,678,354  | 3,253,635                       | 21                                | 57,800  | 4,800                           | 9  |

### **3.0 Cadangan**

3.1 Adalah dicadangkan supaya jumlah bayaran elaun mesyuarat sebanyak RM200.00 seorang bagi satu mesyuarat, tertakluk kepada jumlah maksima sebanyak RM600.00 seorang sebulan dikekalkan kepada lapan orang Lembaga Pengarah Sekatarakyat pada tahun 2017.

### **4.0 Kesimpulan**

4.1 Mohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 bagi Perkara 3.0

**Disediakan oleh** : **Johanah Bt Suli**  
**Pengurus**

**Dibincang bersama** : **Ahmad Rozaman Mohd Yusoff**  
**Pengurus Besar**

## **PERKARA 6 - LAMPIRAN 6B**

Cadangan bayaran elaun kepada Jawatankuasa Audit Dalaman - *Lampiran 6B*

## **KERTAS CADANGAN BAYARAN ELAUN BAGI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

### **1.0 Tujuan**

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan mesyuarat agung perwakilan untuk membayar elaun kepada tiga orang Jawatankuasa Audit Dalaman Sekatarakyat.

### **2.0 Latarbelakang**

- 2.1 Pada masa ini, apabila seseorang anggota Jawatankuasa Audit Dalaman menjalankan tugas di Sekatarakyat, beliau perlu mengambil cuti tahunannya di Bank Rakyat ataupun menggunakan masa peribadinya (anggota yang bersara).

### **3.0 Cadangan**

- 3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan supaya bayaran elaun maksima sebanyak RM1,000.00 seorang bagi setiap kali tugas pengauditan tertakluk kepada jumlah maksima RM4,000.00 seorang setahun kepada Jawatankuasa Audit Dalaman yang terdiri daripada seramai 3 orang.
- 3.2 Kadar sebenar elaun serta skop kerja akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah.
- 3.3 Bayaran elaun tersebut adalah tertakluk kepada tugas pengauditan yang mesti dijalankan sekurang-kurangnya sebanyak 4 kali setahun, iaitu RM1,000.00 bagi setiap kali tugas pengauditan.
- 3.4 Jawatankuasa Audit Dalaman perlu menjalankan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun dan menghantar laporan kepada Lembaga Pengarah untuk dibincangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah.

### **4.0 Kesimpulan**

- 4.1 Mohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi cadangan seperti di Perkara 3.0.

**Disediakan oleh :** **Johanah Bt Suli**  
**Pengurus**

**Dibincangkan bersama :** **Ahmad Rozaman Mohd Yusoff**  
**Pengurus Besar**

## **PERKARA 6 – LAMPIRAN 6C**

Makluman elaun-elaun kepada anggota Lembaga Pengarah yang dilantik sebagai pengarah dalam syarikat bersekutu

**MAKLUMAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK  
SEBAGAI PENGARAH DALAM SUBSIDIARI ATAU SYARIKAT BERSEKUTU**

---

**1.0 Latarbelakang**

- 1.1 Pada tahun 2010, Sekata Panacom Sdn Bhd telah ditubuhkan atas usahasama antara Sekatarakyat dengan Syarikat Panacom Sales & Services Sdn Bhd.
- 1.2 Penubuhan Sekata Panacom adalah sebagai platform untuk memasarkan produk-produk Panacom kepada Bank Rakyat yang khususnya untuk bidang keselamatan, komunikasi dan lain-lain.
- 1.3 Kelulusan pelaburan dalam syarikat usahasama telah diperolehi daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 19 Oktober 2011.
- 1.4 Sekatarakyat telah membuat pelaburan sebanyak RM15,000.00 manakala Panacom Sales & Services sebanyak RM35,000.00.
- 1.5 Sejak tahun 2013, Sekatarakyat telah menerima dividen pulangan atas pelaburan seperti jadual di bawah:-

| Tahun | Jumlah      |
|-------|-------------|
| 2013  | RM21,000.00 |
| 2014  | RM21,000.00 |
| 2015  | RM12,000.00 |
| 2016  | RM21,000.00 |

**2.0 Makluman**

- 2.1 Bagi tahun kewangan berakhir 2016, Lembaga Pengarah Sekata Panacom Sdn Bhd telah bersetuju untuk membayar elaun sebanyak RM6,000 kepada setiap Pengarah yang dilantik.
- 2.2 Y Bhg. Datuk Mohamed Arsal Sehan telah dilantik untuk mewakili Sekatarakyat dalam Sekata Panacom Sdn Bhd dan selanjutnya syarikat itu telah melantik beliau sebagai Pengurusnya.
- 2.3 Mengikut garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, GP17, Datuk Mohamed Arsal Sehan perlu mendapat kelulusan Mesyuarat Agung bagi membolehkan beliau menerima elaun yang dibayar oleh Sekata Panacom ini. Bagaimanapun, Datuk Mohamed Arsal Sehan telah memilih untuk menyerahkan wang-wang elaun ini kepada Sekatarakyat dan Sekatarakyat telah pun menerima wang itu.

2.4 Elaun pengarah tersebut telah dibayar bermula tahun 2012 hingga kini. Butiran penerimaan elaun yang telah diserahkan kepada Sekatarakyat adalah seperti yang dibawah:-

| Tahun  | Jumlah<br>RM |
|--------|--------------|
| 2012   | 8,000.00     |
| 2013   | 8,000.00     |
| 2014   | 8,000.00     |
| 2015   | 2,000.00     |
| 2016   | 6,000.00     |
| Jumlah | 32,000.00    |

2.5 Keuntungan bersih bagi tahun-tahun perniagaan Sekata Panacom adalah seperti yang berikut :-

| TAHUN             | 2014      | 2015    | 2016    |
|-------------------|-----------|---------|---------|
| JUALAN            | 2,927,735 | 416,337 | 707,653 |
| KEUNTUNGAN BERSIH | 83,760    | 13,359  | 61,574  |

Disediakan oleh : **Johanah Bt Sulis**  
**Pengurus**

Dibincangkan bersama : **Ahmad Rozaman Mohd Yusoff**  
**Pengurus Besar**

## **LAMPIRAN 8**

### **PERKARA 7**

**Meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun atau lain-lain firma berkaitan**

## PERKARA 7

### **KERTAS CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2017 UNTUK MEMBERIKAN KUASA KEPADA LEMBAGA PENGARAH BAGI PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT ATAU LAIN-LAIN FIRMA BERKAITAN UNTUK MENGAUDIT AKAUN**

---

#### **1.0 Tujuan**

Kertas cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 untuk memberikan kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi pelantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit atau lain-lain firma berkaitan untuk mengaudit akaun.

#### **2.0 Latarbelakang**

- 2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan yang dijalankan pada 28 Februari 2016 telah bersetuju memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk melantik mana-mana firma audit yang berkelayakan untuk mengaudit akaun Sekata rakyat bagi tahun 2016 seperti mana yang dinyatakan dalam minit mesyuarat agung tersebut di bawah Perkara 7.1.
- 2.2 Bagi tahun kewangan 2016, Lembaga Pengarah telah bersetuju melantik Tetuan FAM & Associates dengan jumlah yuran perkhidmatan sebanyak RM25,000.00.
- 2.3 Peruntukan fee audit luar dalam Belanjawan 2017 adalah sebanyak RM30,000.00.

#### **3.0 Cadangan**

- 3.1 Sekata rakyat telah menerima 3 sebut harga daripada 3 firma audit yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta mempunyai pengalaman dalam menjalankan kerja-kerja audit luar, iaitu Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS), UHY Chartered Accountants dan Jamal, Amin & Partners.
- 3.2 Ketiga-tiga firma audit ini juga merupakan juruaudit yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah subseksyen 61 (1) Akta Koperasi 1993 (pindaan) 2016 serta pada masa yang sama juruaudit berkenaan berdaftar dengan Lembaga Pemantauan Audit (*Audit Oversight Board – AOB*).
- 3.3 Untuk makluman, AOB ini telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 bagi memantau dan memastikan juruaudit yang berdaftar di bawahnya mematuhi kualiti dan standard.
- 3.4 Lembaga Pengarah memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 untuk memberikan kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi pelantikan suatu

panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit atau lain-lain firma berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 3.1 untuk mengaudit akaun.

#### **4.0 Rumusan**

- 4.1 Mohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 bagi cadangan Lembaga Pengarah di Perkara 3.0.
- 4.2 Sekiranya diluluskan, ianya akan berkuatkuasa serta merta.

**Disediakan oleh : Johanah Suli  
Pengurus**

**Dibincangkan bersama : Ahmad Rozaman Mohd Yusoff  
Pengurus Besar**

## **LAMPIRAN 9**

### **PERKARA 8**

**Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi**

## PERKARA 8

### **KERTAS CADANGAN BAGI AGENDA MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN SEKATARAKYAT**

#### **1.0 Tujuan**

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat.

#### **2.0 Latarbelakang**

- 2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan 2016 telah meluluskan cadangan Lembaga Pengarah Sekatarakyat supaya Lembaga Pengarah diberi kuasa untuk menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat bagi tahun 2016 dan tahun-tahun sebelumnya.
- 2.2 Kelulusan telah diberikan bagi membolehkan Lembaga Pengarah membuat keputusan segera apabila terdapat peluang yang menguntungkan Sekatarakyat.
- 2.3 Lembaga Pengarah Sekatarakyat juga akur bahawa kemudahan kepada anggota-anggota diletakkan di tempat keutamaan sebelum menerima sebarang tawaran bagi menceburi sesuatu pelaburan dan sebagainya.
- 2.4 Senarai pelaburan yang disertai oleh Sekatarakyat sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti yang berikut :-

##### **(a) Pelaburan Siarharga**

- |  |              |
|--|--------------|
| 1. ASM Premier Fund (1) -  | RM72,850.00  |
| 2. ASM Premier Fund (2) -  | RM300,000.00 |
| 3. Public Islamic Treasures Growth Fund<br>(pelaburan ini digunakan sebagai aset pendasar dalam proses akad pembiayaan serta memenuhi keperluan syariah ke atas konsep pembiayaan Al-inah) | RM300,000.00 |

##### **(b) Pelaburan Tak Siarharga**

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad - RM6,000,097.00

##### **(c) Simpanan Tetap**

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd - RM191,000.00

|                                   |   |                               |
|-----------------------------------|---|-------------------------------|
| Bank Islam Malaysia Berhad        | - |                               |
| Corporate FTA – I                 | - | RM1,657,190.00                |
| Sinking Fund                      | - | RM 536,941.00                 |
| <br>                              |   |                               |
| (d) <b><u>Pelaburan Modal</u></b> |   |                               |
| <br>                              |   |                               |
| Projek Sekata Villa               | - | RM8,506,623.00                |
| <br>                              |   |                               |
| Jumlah Pelaburan                  | - | <b><u>RM17,264,701.00</u></b> |

### **3.0 Cadangan**

- 3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menentukan skop dan had pelaburan Sekatarakyat.

### **4.0 Alasan**

- 4.1 Bagi membolehkan Lembaga Pengarah berupaya membuat keputusan sama ada mencebur atau sebaliknya sesuatu pelaburan apabila peluang tersebut ditawarkan kepada Sekatarakyat.
- 4.2 Pelaburan perlulah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia terlebih dahulu seperti yang dinyatakan di bawah Garis Panduan 16 – Garis Panduan Pelaburan Wang Koperasi di bawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993.

### **5.0 Kesimpulan**

- 5.1 Mohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 seperti cadangan di Perkara 3.0.

**Disediakan oleh** : ***Johanah Suli  
Pengurus***

**Dibincangkan bersama** : ***Ahmad Rozaman Mohd Yusoff  
Pengurus Besar***

**LAMPIRAN 10**  
**PERKARA 9**  
**Menentukan had maksimum keterhutangan**

## PERKARA 9

### **KERTAS CADANGAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN SEKATARAKYAT**

#### **1.0 Tujuan**

- 1.1 Kertas cadangan ini bertujuan memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 bagi mengekalkan had maksimum keterhutangan Sekatarakyat kepada RM800 juta.

#### **2.0 Latarbelakang**

- 2.1 Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 28 Februari 2016 telah meluluskan permohonan Lembaga Pengarah Sekatarakyat untuk mengekalkan had keterhutangan maksimum Sekatarakyat pada RM800 juta.
- 2.2 Bayaran kepada setiap fasiliti telah dilakukan dengan cemerlang oleh Sekatarakyat.
- 2.3 Baki akaun pinjaman berjangka serta overderaf seperti yang dikemukakan dalam akaun Sekatarakyat berakhir pada 31 Disember 2016 adalah seperti yang berikut :-

| NAMA BANK                               | AKAUN NO. | BAKI SEHINGGA 31<br>DISEMBER 2016 | MENGIKUT BANK |
|---|-----------|-----------------------------------|---------------|
| BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD              | -         |                                   |               |
| TERM LOAN                               |           |                                   |               |
| RM135 JUTA                              | 96912     | 89,916,003                        |               |
| RM15 JUTA                               | 98161     | 3,508,285                         |               |
|   | 105064    | 3,839,333                         |               |
|   | 114677    | 4,225,558                         |               |
| RM40 JUTA (RM15 JUTA sudah<br>drawdown) | 138030    | 24,361,840                        |               |
|   |           | <b>125,851,020</b>                |               |
| PROPERTY LOAN                           |           |                                   |               |
| RM27 JUTA                               | 120022    | 917,953                           |               |
|   | 120033    | 917,096                           |               |
|   | 120047    | 2,475,754                         |               |
|   | 120058    | 1,971,433                         |               |
|   | 120678    | 16,866,787                        |               |

|                                      |        |             |             |
|--------------------------------------|--------|-------------|-------------|
|                                      | 120069 | 1,906,550   |             |
|                                      |        | 25,055,573  |             |
| OVERDRAFT                            |        |             |             |
| RM50 JUTA                            |        | (1,813,116) |             |
| RM20 JUTA                            |        | 13,447,577  |             |
|                                      |        | 11,634,461  | 162,541,053 |
| <u>BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD</u> | -      |             |             |
| TERM LOAN                            |        |             |             |
| RM28 JUTA                            |        | 19,913,664  |             |
| RM50 JUTA (RM25 JUTA sudah drawdown) |        | 24,491,764  |             |
| RM20 JUTA                            |        | 17,339,354  |             |
| JUMLAH                               |        | 61,744,782  |             |
| <u>SKM</u>                           |        | 846,367     | 62,591,149  |
| JUMLAH KESELURUHAN                   |        | 225,132,203 | 225,132,203 |

2.4 Sekatarakyat mempunyai rekod yang cemerlang terhadap kesemua akaun-akaun pinjaman berjangka serta overdraf.

### 3.0 Cadangan

- 3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan supaya had maksimum keter hutangan Sekatarakyat dikekalkan kepada RM800 juta bagi menampung unjuran pengeluaran pembiayaan kepada anggota-anggota Sekatarakyat, peminjam-peminjam Ar-Rahnu serta lain-lain projek yang telah dirancang oleh Sekatarakyat, manakala selebihnya akan digunakan apabila terdapat keperluan kelak.

### 4.0 Senario Semasa

- 4.1 Menurut Belanjawan Sekatarakyat yang telah disediakan bagi tahun 2017, Lembaga Pengarah bercadang untuk membuka Kedai Ar Rahnu X'Change yang ke-lapan, ke-sebelas dan ke-sepu puluh dalam setengah tahun pertama 2017, yang akan meningkatkan pengeluaran pembiayaan bagi keseluruhan operasi aktiviti perniagaan Ar-Rahnu X'Change Sekatarakyat kepada RM116,658,991.00

- 4.2 Dianggarkan sebanyak RM1,500,000.00 lagi diperlukan bagi pengubahauan ketiga-tiga premis, iaitu Ar Rahnu ke-lapan, ke-sembilan dan ke-sepuluh.
- 4.3 Sekatarakyat juga dijangka akan mengeluarkan sebanyak RM156,177,743.00 pembiayaan baru serta bertindih kepada anggota-anggotanya dalam tahun 2017.
- 4.4 Oleh yang demikian, berdasarkan kepada jumlah yang dinyatakan di atas, baki had keter hutangan sedia ada adalah mencukupi bagi memastikan Sekatarakyat dapat bergerak lancar dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya dan seterusnya dapat memberikan pulangan yang menguntungkan kepada anggota-anggotanya dalam bentuk dividen tahunan, kemudahan yang disediakan dan sebagainya.

## **5.0 Kesimpulan**

- 5.1 Mohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 seperti cadangan di Perkara 3.0.

**Disediakan oleh** : **Johanah Suli  
Pengurus**

**Dibincangkan bersama** : **Ahmad Rozaman Mohd Yusoff  
Pengurus Besar**

## **LAMPIRAN 11**

### **PERKARA 10**

**Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota atau perwakilan dan empat orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan**

## PERKARA 10

**KERTAS CADANGAN MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA ATAU PERWAKILAN DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN 2017**

---

### **1.0 Tujuan**

- 1.1 Kertas cadangan ini disediakan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan 2017 bagi melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota atau perwakilan dan empat orang anggota Lembaga Pengarah untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan 2017.

### **2.0 Latarbelakang**

- 2.1 Bermula dari Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah diadakan pada 19 Februari 2011, mesyuarat bersetuju supaya pelantikan jawatankuasa tersebut dimaklumkan pada awal mesyuarat bagi membolehkan anggota jawatankuasa yang dilantik menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat supaya boleh meneliti draf minit yang disediakan agar tepat.

### **3.0 Cadangan**

- 3.1 Atas alasan yang sama seperti di Perkara 2.1, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan anggota-anggota perwakilan seperti yang berikut dilantik sebagai anggota Jawatankuasa penentusan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan ke Dua Puluh Satu, seperti yang berikut:-

| Bil | Nama Perwakilan            | No. Anggota | Kawasan |
|-----|----------------------------|-------------|---------|
| 1   | Datuk Mohamed Arsal Sehan  | 530         | ALP     |
| 2   | Hasrul Liza Shah Rudin     | 1291        | ALP     |
| 3   | Abdul Lidzam Muhamad Alias | 1138        | ALP     |
| 4   | Mohd Salleh Mahmood        | 2016        | ALP     |
| 5   | Suhaimi Omar               | 2023        | 1       |
| 6   | Sofiah Haron               | 629         | 1       |

|    |                              |      |   |
|----|------------------------------|------|---|
| 7  | Rosni Yusoff                 | 822  | 1 |
| 8  | Mohamad Rosli Md Ali         | 4108 | 1 |
| 9  | Mohd Yusof Mat Ali           | 4881 | 1 |
| 10 | Mohamad Thuari Mohamed Tayed | 2167 | 1 |

#### **4.0 Kesimpulan**

4.1 Mohon kelulusan mesyuarat bagi cadangan seperti di Perkara 3.0

**Disediakan oleh : Johanah Suli  
Pengurus**

**Dibincangkan bersama : Ahmad Rozaman Mohd Yusoff  
Pengurus Besar**

## **LAMPIRAN 12**

### **PERKARA 11**

**Menimbang dan meluluskan pembahagian keuntungan tahun kewangan 2016**

## PERKARA 11

### Cadangan Pembahagian Keuntungan 2016

(i) Cadangan Tabung Persaraan Kakitangan

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Persaraan Kakitangan sebanyak 2% berjumlah **RM282,532** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- b) Maklumat Tabung Persaraan Kakitangan yang telah diluluskan sejak tahun 2007 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum Cukai<br>RM | Peruntukan dicadangkan<br>% | Peruntukan diluluskan oleh MAP<br>% | Jumlah<br>RM |
|-------|--------------------------------|-----------------------------|-------------------------------------|--------------|
| 2007  | 6,750,121                      |                             | 2                                   | 115,256      |
| 2008  | 5,717,780                      |                             | 2                                   | 97,202       |
| 2009  | 7,470,637                      |                             | 2                                   | 112,059      |
| 2010  | 6,646,741                      |                             | 2                                   | 112,995      |
| 2011  | 8,006,827                      |                             | 2                                   | 136,116      |
| 2012  | 10,744,343                     |                             | 2                                   | 183,311      |
| 2013  | 14,060,163                     |                             | 2                                   | 206,614      |
| 2014  | 14,242,350                     |                             | 2                                   | 219,808      |
| 2015  | 15,424,719                     |                             | 2                                   | 233,820      |
| 2016  | 18,678,354                     | 2                           |                                     | 282,532      |

c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2007 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Bayaran kepada<br>anggota | Peruntukan dari Akaun<br>Pembahagian Keuntungan | Baki Tabung |
|-------|---------------------------|---|-------------|
|       | RM                        | RM  | RM          |
|       |                           |   | 618,403     |
| 2007  |                           | 115,256   | 733,659     |
| 2008  | 1,250                     | 112,059   | 829,611     |
| 2009  | 58,235                    | 112,059   | 883,435     |
| 2010  |                           | 112,995   | 996,430     |
| 2011  |                           | 136,116   | 1,132,546   |
| 2012  | 39,840                    | 183,311   | 1,276,017   |
| 2013  |                           | 206,614   | 1,482,631   |
| 2014  |                           | 219,808   | 1,702,439   |
| 2015  | 86,490                    | 233,820   | 1,831,676   |
| 2016  | 97,732                    | 282,532   | 2,016,476   |

(ii) Cadangan Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan peruntukan bagi Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota sebanyak 2% berjumlah RM282,532.00 untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat.
- b) Maklumat Tabung Kebajikan dan Khairat Anggota yang telah diluluskan sejak tahun 2007 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan<br>sebelum Cukai | Peruntukan<br>dicadangkan | Peruntukan<br>diluluskan oleh<br>MAP | Jumlah<br>RM |
|-------|-----------------------------|---------------------------|--------------------------------------|--------------|
|       | RM                          | %                         | %                                    |              |
| 2007  | 6,750,121                   |                           | 2                                    | 115,256      |
| 2008  | 5,717,780                   |                           | 2                                    | 97,202       |
| 2009  | 7,470,637                   |                           | 2                                    | 112,059      |
| 2010  | 6,646,741                   |                           | 2                                    | 112,995      |
| 2011  | 8,006,827                   |                           | 2                                    | 136,116      |
| 2012  | 10,744,343                  |                           | 2                                    | 183,311      |
| 2013  | 14,060,163                  |                           | 2                                    | 206,614      |
| 2014  | 14,242,350                  |                           | 2                                    | 219,808      |
| 2015  | 15,424,719                  |                           | 2                                    | 233,820      |
| 2016  | 18,678,354                  | 2                         |                                      | 282,532      |

- c) Pergerakan tabung tersebut sejak tahun 2007 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Bayaran kepada anggota<br>RM | Tambahan Peruntukan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan<br>RM | Baki Tabung<br>RM |
|-------|------------------------------|---|-------------------|
|       |                              |   | 102,186           |
| 2007  | 60,700                       | 115,256   | 156,742           |
| 2008  | 80,600                       | 97,202  | 173,344           |
| 2009  | 82,435                       | 112,059   | 202,968           |
| 2010  | 85,450                       | 112,995   | 230,513           |
| 2011  | 94,200                       | 136,116   | 272,429           |
| 2012  | 63,700                       | 183,311   | 392,040           |
| 2013  | 79,700                       | 206,614   | 518,954           |
| 2014  | 87,800                       | 219,808   | 650,452           |
| 2015  | 86,490                       | 233,820   | 797,782           |
| 2016  | 24,500                       | 282,532   | 1,055,814         |

(iii) Cadangan dividen bagi tahun

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan bayaran dividen sebanyak 15% dibayar kepada setiap anggota-anggota Sekatarakyat yang berkelayakan bagi tahun tersebut berjumlah **RM13,034,194.00** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.
- b) Maklumat dividen yang telah diluluskan sejak tahun 2007 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum cukai<br>RM | Dividen dicadangkan % | Dividen diluluskan oleh MAP % | Dividen diluluskan oleh SKM % | Jumlah RM  |
|-------|--------------------------------|-----------------------|-------------------------------|-------------------------------|------------|
| 2007  | 6,750,121                      |                       | 10                            | 10                            | 3,437,414  |
| 2008  | 5,717,780                      |                       | 12                            | 10                            | 4,024,026  |
| 2009  | 7,470,637                      |                       | 12                            | 12                            | 4,208,768  |
| 2010  | 6,646,741                      |                       | 10                            | 10                            | 4,463,457  |
| 2011  | 8,006,827                      |                       | 12.5                          | 12.5                          | 5,912,941  |
| 2012  | 10,744,343                     |                       | 13                            | 13                            | 7,521,792  |
| 2013  | 14,060,163                     |                       | 15                            | 15                            | 9,670,348  |
| 2014  | 14,242,350                     |                       | 15                            | 15                            | 10,117,306 |
| 2015  | 15,424,719                     |                       | 15                            | 15                            | 10,991,275 |
| 2016  | 18,678,354                     | 15                    |                               |                               | 13,034,194 |

(iv) Cadangan Honorarium Lembaga Pengarah

- a) Berdasarkan kepada prestasi kewangan Sekatarakyat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, Lembaga Pengarah Sekatarakyat mencadangkan Honorarium Lembaga Pengarah berjumlah sebanyak **RM110,000.00** untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh mesyuarat
- b) Maklumat honorarium Lembaga Pengarah yang telah diluluskan sejak tahun 2007 adalah seperti yang berikut :-

| Tahun | Keuntungan sebelum Cukai<br>RM | Peruntukan dicadangkan | Peruntukan diluluskan oleh MAP | Jumlah<br>RM |
|-------|--------------------------------|------------------------|--------------------------------|--------------|
| 2007  | 6,750,121                      |                        | 2.50%                          | 144,070      |
| 2008  | 5,717,780                      |                        | 2.50%                          | 121,503      |
| 2009  | 7,470,637                      |                        | 1.50%                          | 110,000      |
| 2010  | 6,646,741                      |                        | 1.60%                          | 110,000      |
| 2011  | 8,006,827                      |                        | 1.40%                          | 110,000      |
| 2012  | 10,744,343                     |                        | 1.00%                          | 110,000      |
| 2013  | 14,060,163                     |                        | 0.78%                          | 110,000      |
| 2014  | 14,242,350                     |                        | 0.77%                          | 110,000      |
| 2015  | 15,424,719                     |                        | 0.71%                          | 110,000      |
| 2016  | 18,678,354                     | 110,000                | 0.59%                          |              |

## **LAMPIRAN 13**

### **PERKARA 12**

**Mengistihar atau menerbitkan syer-syer bonus**

**TIADA**

## **LAMPIRAN 14**

### **PERKARA 13**

**Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa urusan lain koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan**

- (a)     **Cadangan Aturan Skim Simpanan Am Sekatarakyat**        - Lampiran 13A

## **PERKARA 13 – LAMPIRAN 13A**

**KERTAS CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN  
BAGI PENGAMBILAN SIMPANAN AM DARIPADA ANGGOTA SERTA MEWUJUDKAN  
ATURAN-ATURAN AKTIVITI BERKAITAN PENGAMBILAN SKIM SIMPANAN AM**

**KERTAS CADANGAN MEMOHON KELULUSAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN BAGI PENGAMBILAN SIMPANAN AM DARIPADA ANGGOTA SERTA MEWUJUDKAN ATURAN-ATURAN AKTIVITI BERKAITAN PENGAMBILAN SKIM SIMPANAN AM**

---

**1.0 Tujuan**

Kertas cadangan ini disediakan bagi memohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi cadangan pengambilan simpanan am daripada anggota-anggota Sekatarakyat serta mewujudkan aturan-aturan aktiviti yang khusus bagi aktiviti pengambilan simpanan am tersebut.

**2.0 Latarbelakang**

**2.1 Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) (Akta 502)**

Cabutan berkenaan Simpanan Khas menyatakan -

**“ BAHAGIAN VI**

**HARTA DAN KUMPULAN WANG KOPERASI**

**Kumpulan wang koperasi**

50. Kumpulan wang suatu koperasi boleh diperdapatkan melalui mana-mana atau kesemua yang berikut:

- (d) simpanan khas daripada anggota, yang boleh dikeluarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam undang-undang kecil;
- (e) tertakluk kepada subseksyen 52(1) atau peraturan-peraturan, deposit atau pinjaman daripada anggota dan dengan kelulusan daripada Suruhanjaya, daripada orang yang bukan anggota koperasi itu;”

**2.2 Peraturan-peraturan Koperasi 1995**

Cabutan mengenai Simpanan Khas menyatakan :-

26. Simpanan khas, deposit atau pinjaman.

Menurut perenggan 50 (d) dan (e) Akta, koperasi berdaftar hendaklah

- (a) menyatakan dalam undang-undang kecilnya, skim berhubungan dengan simpanan khas anggota atau deposit atau pinjaman daripada anggota atau yang bukan anggota;
- (b) menyatakan terma dan syarat tiap-tiap skim dalam surat cara berasingan;
- (c) mengemukakan suratcara skim itu kepada mesyuarat agung untuk kelulusan; dan
- (d) mengemukakan suratcara yang diluluskan kepada Ketua Pendaftar dalam masa satu bulan selepas diluluskan.

### 2.3 **Undang-undang Kecil Sekatarakyat**

- (a) UUK 2 di bawah tajuk Tafsiran menerangkan bahawa Simpanan Khas ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk suatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.
- (b) UUK 9 di bawah tajuk Aktiviti fasal 2 menyatakan bahawa bagi mencapai matlamat dan fungsi penubuhan Koperasi menurut fasal 1, koperasi boleh menjalankan aktiviti bagi mendapatkan –
  - (a) modal dengan cara mengumpul syer, yuran, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada anggota; dan
- (c) UUK 9, fasal 4 menyatakan –
  - (4) Bagi maksud perenggan 50(e) Akta, sesuatu Koperasi hendaklah –
    - (a) menyatakan dalam undang-undang kecilnya, aktiviti berhubung dengan deposit atau pinjaman daripada anggota atau bukan anggota;
    - (b) menyatakan terma dan syarat bagi setiap aktiviti dalam aturan yang berasingan;
    - (c) membentangkan aturan itu dalam mesyuarat agung perwakilan untuk kelulusan; dan
    - (d) mengemukakan aturan itu kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari selepas aturan itu diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan. Walau apapun, Suruhanjaya boleh mengarahkan

supaya aturan dipinda, jika perlu, demi kepentingan koperasi.

- (b) Perkara 56 di bawah tajuk Simpanan Khas, deposit dan pinjaman menyatakan bahawa –

56. (1) Koperasi boleh menerima daripada anggotanya –
- (a) simpanan khas seperti yang ditetapkan dalam aturannya dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa; atau
  - (b) deposit dan pinjamannya

- (c) UUK 61 di bawah tajuk Simpanan Khas menyatakan bahawa –

61. Menurut perenggan 50(d) Akta, Koperasi boleh menerima simpanan khas daripada anggota tertakluk kepada terma dan syarat yang dibuat menurut fasal (4) undang-undang kecil 9 dan wang ini boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.

2.4 GP9 – Garis Panduan mengenai pengambilan Simpanan Khas dan Deposit atau penerimaan pinjaman

- (a) Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B, perenggan 50(d) dan 50(e) Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memantau dan mengawal koperasi yang menjalankan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit atau menerima pinjaman.

Antara lain, GP9 menggariskan perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh koperasi yang ingin menjalankan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit atau menerima pinjaman seperti yang berikut :-

- (b) Syarat-syarat Am –

Sebelum menjalankan aktiviti pengambilan simpanan khas dan deposit atau penerimaan pinjaman, koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) undang-undang kecil koperasi mempunyai peruntukan berkenaan aktiviti pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman;
- (ii) kelulusan mesyuarat agung untuk menentukan had maksimum keterhutangan koperasi;

- (iii) mewujudkan aturan bertulis berkenaan pengambilan simpanan khas, pengambilan deposit dan penerimaan pinjaman yang diluluskan dalam mesyuarat agung;
- (iv) menyediakan prospektus bagi setiap produk pengambilan simpanan khas dan pengambilan deposit yang ditawarkan serta mendapatkan kelulusan bertulis Suruhanjaya;
- (v) mengadakan perjanjian pinjaman antara koperasi dan pemberi pinjaman; dan
- (vi) mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, sekiranya perlu.

(c) Kandungan Aturan

Tujuan aturan diwujudkan adalah untuk menerangkan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi. Aturan hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:

- (i) pengenalan;
- (ii) objektif;
- (iii) definisi;
- (iv) sumber dan kegunaan dana;
- (v) pengurusan wang skim simpanan am;
- (vi) audit dan badan pemantau;
- (vii) laporan; dan
- (viii) tugas dan tanggungjawab

(d) Khusus berkenaan Skim Simpanan Am

- (i) Penyediaan Prospektus Untuk Skim Simpanan Am
  - 1. Bertujuan memberi penerangan kepada anggota/pelanggan perihal produk simpanan am yang akan diperkenalkan oleh koperasi.
  - 2. Prospektus tersebut hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya perkara-perkara berikut:
    - a. pengenalan produk pengambilan simpanan am yang ditawarkan;
    - b. bagi produk simpanan am, nyatakan saiz dana;

- c. jangka masa produk yang ditawarkan. Bagi produk simpanan am, jangka masanya hendaklah tidak kurang daripada satu tahun;
- d. maklumat terperinci termasuk kategori, profil, pelaburan yang dibenarkan, pengurusan risiko, had pelaburan;
- e. prestasi produk sepertinya (yang terdapat di pasaran);
- f. tegasan kewangan (financial highlights) termasuk unjuran perolehan pendapatan/pulangan;
- g. kumpulan yang disasar;
- h. fi dan caj, perbelanjaan yang terlibat atau caj penalti yang dikenakan ke atas apa-apa pengeluaran sebelum tarikh matang;
- i. faedah atau pulangan
- j. kemahiran, kepakaran sumber;
- k. kaedah perakaunan dan pelaporan; dan
- l. suatu perisyntahan oleh Lembaga koperasi bahawa produk berkenaan telah mematuhi garis panduan ini.

(ii) Prospektus yang disediakan oleh koperasi hendaklah –

1. jelas dan tiada penyataan yang tersembunyi;
2. adil dan benar; dan
3. tidak mengelirukan.

(iii) Penetapan Kadar Pulangan Skim Simpanan Am

1. Penetapan kadar pulangan ke atas pengambilan simpanan am oleh koperasi hendaklah berdasarkan kepada keperluan pendanaan dan strategi perniagaan koperasi.

Walau apapun, koperasi hendaklah memastikan pemberian pulangan ke atas simpanan am adalah berpatutan agar ia memberi pulangan kompetitif kepada penyimpan atau pendeposit tetapi tidak membebankan koperasi.

2. Bagi koperasi yang menjalankan fungsi perbankan di mana terdapat produk deposit seperti di sektor perbankan, penetapan kadar pulangan hendaklah, secara minimum berasaskan kepada amalan sektor perbankan iaitu Kadar Dasar Semalam (Overnight Policy Rate – OPR) yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

Apa-apa perubahan kepada kadar pulangan bolehlah berpandukan kepada perubahan kadar faedah semasa dalam sektor kewangan.

3. Koperasi juga hendaklah memastikan kadar pulangan dipaparkan dengan jelas di premis perniagaannya.

(iv) Perlindungan Deposit

1. Koperasi boleh mempertimbangkan perkara-perkara berikut bagi melindungi pendeposit dan koperasi dengan –
  - a. mengambil perlindungan takaful bagi melindungi deposit;
  - b. mewujudkan kemudahan kredit yang disediakan oleh institusi perbankan (standby credit line); atau
  - c. mewujudkan satu skim tabung perlindungan pendeposit.

2.5 Bayaran awal gratuti oleh Bank Rakyat kepada wargakerjanya yang layak

- (a) Bank Rakyat telah meluluskan cadangan bayaran awal gratuti kepada wargakerjanya yang layak, jangkaan tarikh bayaran adalah sebelum 1 Oktober 2016.
- (b) Pengurusan dimaklumkan bahawa jumlah purata bayaran kepada seorang wargakerja adalah antara RM230,000.00 hingga RM300,000.00.
- (c) Jumlah baki pembiayaan anggota yang disandar kepada gratuti oleh anggota-anggota Sektarakyat yang akan dibayar oleh Bank Rakyat kepada Sektarakyat berdasarkan kepada surat aku janji yang telah ditandatangani oleh anggota-anggota selepas permohonan pembiayaan diluluskan oleh Sektarakyat adalah sebanyak RM4,217,776.05.

### **3.0 Cadangan**

3.1 Lembaga Pengarah mencadangkan supaya Sekatarakyat mengambil peluang atas keputusan Bank Rakyat untuk membayar gratuti awal kepada wargakerja Bank Rakyat dengan menyediakan Skim Simpanan Am bagi menyediakan satu kaedah alternatif kepada anggota-anggota bagi menyimpan bayaran gratuti yang diterima dalam satu skim yang selamat dan dapat memberi pulangan yang menarik.

3.2 Tindakan yang perlu dijalankan bagi mewujudkan Skim Simpanan Am Sekatarakyat

3.2.1 Menyediakan hebahan /prospektus memperkenalkan skim tersebut.

3.2.2 Menyediakan aturan Skim Simpanan Am Sekatarakyat.

Bagi mematuhi GP9 yang telah menetapkan bahawa aturan perlulah diwujudkan bagi memberi penerangan kepada anggota mengenai tatacara sesuatu aktiviti koperasi, pengurusan mencadangkan supaya aturan bagi aktiviti pengambilan simpanan am disediakan bagi merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) pengenalan;
- (ii) objektif;
- (iii) definisi;
- (iv) sumber dan kegunaan dana;
- (v) pengurusan wang skim simpanan am;
- (vi) audit dan badan pemantau;
- (vii) laporan; dan
- (viii) tugas dan tanggungjawab

3.2.3 Aturan yang dicadangkan adalah seperti **Lampiran 1**.

### **4.0 Alasan kepada cadangan**

6.1 Lembaga Pengarah mencadangkan Skim Simpanan Am Sekatarakyat diwujudkan atas beberapa alasan seperti yang berikut :-

- (a) Sekatarakyat menggalakkan anggota-anggota yang berkemampuan menyimpan pendapatan lebihan secara berhemah sebagai memenuhi salah satu tujuan Sekatarakyat diwujudkan.
- (b) Sekatarakyat menyediakan satu kaedah alternatif bagi anggota-anggota menyimpan pendapatan lebih dan dengan selamat dan mendapat pulangan yang menarik.
- (c) Mbolehkan Sekatarakyat mendapat sumber dana dengan kos kewangan yang lebih rendah daripada menggunakan sumber dana daripada overderaf.
- (d) Kos kewangan yang lebih rendah memungkinkan Sekatarakyat mengkaji semula kadar keuntungan yang dikenakan kepada angota – anggota atas pembiayaan yang disediakan.

## **5.0 Rumusan**

- 5.1 Kertas cadangan berkenaan mewujudkan Skim Simpanan Am ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah di mesyuarat bulanannya dalam bulan Ogos 2016.
- 5.2 Untuk makluman, skim ini telah dilancarkan dan dihebahkan pada 15 September 2016 kepada semua anggota. Sehingga ke hari ini tiada permohonan untuk skim tersebut.
- 5.3 Sekatarakyat juga telah memaklumkan kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berkenaan perkara di atas. Walaubagaimanapun, kertas cadangan berserta aturan berkenaan Skim Simpanan Am ini perlu dibentangkan bagi mendapat kelulusan di Mesyuarat Agung Perwakilan 2017. Sekiranya tidak diluluskan, Sekatarakyat akan memulangkan deposit yang telah diterima kepada pendeposit.
- 5.4 Mohon kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan bagi Perkara 3.0 dan Perkara 4.0.

**Disediakan oleh : Johanah Bt Suli  
Pengurus**

**Disemak oleh : En. Ahmad Rozaman bin Mohd Yusoff  
Pengurus Besar**

## Lampiran 1

### ATURAN SKIM SIMPANAN AM

#### KANDUNGAN

- 1.0 Pengenalan
- 2.0 Objektif
- 3.0 Definisi
- 4.0 Sumber dan Kegunaan Dana
- 5.0 Pengurusan Wang Skim Simpanan Am
- 6.0 Audit dan Badan Pemantau
- 7.0 Laporan
- 8.0 Tugas dan Tanggungjawab

#### ATURAN SKIM SIMPANAN AM

##### 1.0 Pengenalan

- 1.1 Dokumen ini dinamakan **ATURAN SKIM SIMPANAN AM SEKATARAKYAT**.
- 1.2 Dokumen ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen-dokumen berikut:
  - i. Undang-undang Kecil (UUK) Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat).
  - ii. Garis Panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas Dan Deposit Atau Penerimaan Pinjaman, yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

##### 2.0 Objektif

###### 2.1 Objektif Aturan Skim Simpanan Am Sekatarakyat :

- 2.1.1 Dokumen ini dikeluarkan adalah untuk memantau dan mengawal selia semua aktiviti yang berkaitan dengan pengambilan deposit dan simpanan am dari anggota oleh Koperasi, yang meliputi aktiviti pengambilan dana, penggunaan dana serta pemulangan dana.

###### 2.2 Objektif Skim Simpanan Am Sekatarakyat :

- 2.2.1 Skim Simpanan Am ini diwujudkan bertujuan untuk membolehkan anggota membuat simpanan di dalam Koperasi selain dari dalam bentuk yuran dan syer.
- 2.2.2 Dana yang terkumpul melalui Skim Simpanan Am ini boleh digunakan oleh Koperasi untuk sesuatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Seksyen 2 Akta koperasi 1993.

### **3.0 Definisi**

3.1 Bagi tujuan dokumen ini, definisi berikut adalah diguna pakai:

**“Akta”** ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“Arahan”** ertinya arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kepada Koperasi dari semasa ke semasa;

**“Aturan”** ertinya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan, Undang-undang Kecil dan kelulusan mesyuarat agung;

**“Garis Panduan”** ertinya garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dari semasa ke semasa;

**“Koperasi”** ertinya Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat);

**“Lembaga”** ertinya badan pengelola Koperasi ini yang kepadanya pengurusan hal ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Nisbah”** ertinya nisbah atau kadar pembahagian keuntungan atau kerugian sesuatu urusniaga;

**“Peraturan”** ertinya peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

**“Simpanan Am”** ertinya wang yang didepositkan oleh seseorang anggota dengan Koperasi ini dengan niat nyata untuk menggunakan wang yang didepositkan untuk sesuatu maksud yang dinyatakan yang dibenarkan di bawah Peraturan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

**“Suruhanjaya”** ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Akta Koperasi 1993;

**“Syer”** ertinya bahagian dalam modal syer Koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

